

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI KHAMIS : 14 MAC 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 1

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan :

- (a) Jumlah pendaftaran Caruman Sukarela Insentif Suri (i-Suri); dan**
- (b) Apakah masalah yang dihadapi.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah suri rumah dan wanita yang telah berdaftar di bawah program Caruman Sukarela Insentif Suri (i-Suri) Fasa 1 yang mula berkuat kuasa pada 15 Ogos 2018 sehingga 28 Februari 2019 adalah sebanyak **84,143 orang**.

Kementerian telah mendapat peruntukan berjumlah RM45 juta lagi untuk melaksanakan i-Suri bagi tahun 2019. Dengan peruntukan ini, **disasarkan seramai 100,000 orang wanita** termasuk ahli sedia ada akan mendaftar i-Suri sehingga 30 Jun 2019.

Kementerian ini bersama-sama dengan rakan strategik seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah melaksanakan promosi untuk i-Suri dan berusaha untuk memastikan mereka yang layak tidak terpinggir dan menerima kemudahan ini untuk masa hadapan.

Namun, antara masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian dalam melaksanakan program ini adalah:

- (i) kesukaran melaksanakan program *outreach* kepada individu yang layak tetapi berada di kawasan yang terpencil. Sehubungan itu, KWSP bersama dengan rakan strategik telah menggerakkan *mobile team* ke lokasi-lokasi yang terpencil; dan
- (ii) kesukaran ahli untuk membuat caruman bulanan kerana peraturan kewangan KWSP sedia ada yang tidak membenarkan

SOALAN NO. 1

penerimaan tunai dan sebarang bentuk transaksi oleh anggota *Mobile Team* KWSP masih terpakai. Sebagai alternatif mempelbagaikan saluran pembayaran, KWSP dalam tindakan perbincangan dengan pihak-pihak berkaitan bagi membolehkan pembayaran caruman ahli dibuat melalui ejen Bank Simpanan Nasional (BSN) dan pembayaran melalui SMS.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
TARIKH : 14.3.2019 (KHAMIS)

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan:

- (a) bagaimanakah trend harga barangan sehingga 31 Disember 2018; dan
- (b) berapakah jumlah barangan beserta perincian jenis-jenis barangan yang mengalami kenaikan, penurunan dan tidak berubah.

DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TARIKH : 28.3.2019 (KHAMIS)

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berapakah jumlah barangan yang dikenal pasti berlaku penurunan harga selepas pelaksanaan SST pada September 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Terlebih dahulu izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali pertanyaan daripada Yang Berhormat Bagan Datuk pada 28 Mac 2019 kerana ia menyentuh isu dan perkara yang sama iaitu **trend harga barang berikutan pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST)**.

Kesan pelaksanaan SST ke atas harga barang

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna telah melaksanakan Pemantauan Harga Khas melibatkan kutipan data harga **900 Barangan Keperluan Pengguna**. Pemilihan 900 barangan ini adalah berdasarkan hasil dapatan kumpulan perbelanjaan isi rumah di dalam Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia meliputi kumpulan seperti berikut:

- (i) Makanan dan Minuman Bukan Alkohol (666 item);
- (ii) Minuman Alkohol dan Tembakau (3 item);
- (iii) Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah (64 item);
- (iv) Kesihatan (16 item);
- (v) Rekreasi dan Kebudayaan (13 item); dan
- (vi) Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan (138 item).

Pemantauan dan kutipan harga telah dilakukan di 2,356 buah premis perniagaan yang terdiri daripada pasar basah, kedai runcit, pasar raya, *hypermarket*, farmasi, kedai serbaneka, kedai mini dan kedai buku.

Analisa perubahan harga ini dibandingkan antara bulan Mei 2018 dan Disember 2018 bagi melihat kesan pelaksanaan SST terhadap kedudukan harga barangan di pasaran.

Secara keseluruhannya, purata harga barangan menunjukkan 63.20% atau 568 item daripada 900 barangan tersebut mencatatkan penurunan, 35.30% atau 317 item mengalami kenaikan dan 0.9% atau 8 item kekal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 3

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan bagaimanakah cara untuk mengkaji semula mekanisme pengiraan tarif pembedaan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) yang mana pelanggan perlu dikenakan caj mengikut penggunaan air sebenar mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, caj perkhidmatan pembetulan semasa yang dikenakan kepada pengguna adalah mengikut kategori seperti berikut:
 - a) Domestik - Kadar Rata
 - b) Komersial - Caj asas berdasarkan nilai tahunan dan Caj penggunaan air
 - c) Kerajaan - Caj asas dan Caj penggunaan air:
2. Semenjak tahun 1997, tarif pembetulan domestik tidak pernah disemak manakala tarif komersial telah diturunkan 3 kali walaupun termaktub di dalam perjanjian konsesi terdapat terma yang membolehkan IWK memohon semakan semula kadar perkhidmatan pembetulan secara berkala. Ketiadaan kenaikan tarif melebihi 22 tahun telah menyebabkan kedudukan kewangan IWK yang tidak mapan yang mana pendapatan tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan operasi (opex) dan seterusnya menjejaskan perkhidmatan pembetulan secara keseluruhannya. Defisit opex ini ditanggung oleh Kerajaan melalui pemberian subsidi antara RM150 juta sehingga RM200 juta setahun.

3. Oleh yang demikian, Kerajaan dalam proses merangka pendekatan yang bersesuaian untuk memastikan tarif pmbetungan yang dikenakan kepada pengguna yang lebih saksama dan telus dan dalam masa yang sama mencerminkan kos operasi perkhidmatan pmbetungan sebenar. Pada masa ini juga, kadar tarif yang dikenakan adalah antara yang terendah berbanding dengan negara-negara lain. Oleh itu, salah satu pendekatan yang sedang dipertimbangkan adalah pengenaan kadar tarif berasaskan konsep volumetrik iaitu penggunaan air selaras dengan prinsip "*pay-per-use*". Pada masa yang sama, pendekatan ini akan menggalakkan penjimatan penggunaan air dan pemuliharaan sumber air.
4. Selain itu, penetapan tarif volumetrik dibuat berdasarkan penyusunan semula struktur tarif kepada kategori domestik, bukan domestik dan industri serta pelaksanaan pengebilan bersepadu (*joint billing*) di antara operator air dan pmbetungan. Dalam konteks ini, kerjasama erat antara operator air dan pmbetungan memainkan peranan yang amat penting dalam menjayakannya.

Sekian terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah pihak Kementerian tidak mempunyai rancangan untuk menaik taraf Darul Quran Jakim sebagai sebuah universiti atau mewujudkan sebuah Universiti Al-Quran.

**JAWAPAN : (YB HAJJAH FUZIAH SALLEH, TIMBALAN MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Darul Quran (DQ) adalah pusat akademik di bawah seliaan JAKIM yang ditubuhkan pada tahun 1966 dan kini beroperasi di Kuala Kubu Bharu, Selangor. Kini DQ mempunyai seramai 137 orang pelajar yang sedang mengikuti program ijazah, 715 orang pelajar sedang mengikuti program diploma, 108 orang pelajar pula sedang mengikuti program pensijilan, dan lain-lain program pengajian ialah seramai 36 orang. Sehingga tahun 2018, DQ telah melahirkan graduan hafiz seramai 7694 orang.


DQ juga melaksanakan program akademik secara kolaborasi dengan institusi-institusi seperti berikut;

- a) Program Pengajian Ijazah Kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia
- b) Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran
- c) Program Pensijilan Tahfiz JAKIM-UIAM
- d) Program Pensijilan Tahfiz JAKIM-UNITEN
- e) Program Pensijilan Tahfiz JAKIM-CUCMS
- f) Program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-UTeM
- g) Program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-POLITEKNIK
- h) Program Tahfiz Model Ulul al-Bab (TMUA), Kementerian Pendidikan Malaysia

Memandangkan DQ sebagai institusi pendidikan di bawah JAKIM, maka usaha naik taraf DQ sebagai IPTA belum dapat direalisasikan kerana pihak Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menambah IPTA sedia ada berdasarkan polisi yang telah ditetapkan berkuatkuasa mulai 30 Jun 2010.

Oleh itu, kerjaaaan hari ini sedang meneliti untuk mewujudkan universiti wakaf di bawah MAIWP yang juga melibatkan institusi-institusi pendidikan di bawah YB Menteri. Namun penelitian perlu diberikan kepada aspek dasar, perundangan dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 5

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dengan secara terperinci dasar baharu mengenai pengambilan pekerja asing bagi merombak sistem pengambilan pekerja asing yang lama. Bilakah laporan Jawatankuasa Bebas Pengurusan Pekerja Asing mengenai penyusunan semua undang-undang berkaitan pengambilan pekerja asing untuk bekerja dalam pelbagai sektor di negara ini akan disiapkan dan dibentangkan.

PN-1412- L04261

SOALAN NO: 5

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 59

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tarikh siap laporan Jawatankuasa Bebas Pengurusan Pekerja Asing dan jangka masa untuk melancarkan dasar pengurusan baru bagi pengambilan pekerja asing.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Terlebih dahulu saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan YB Kampar yang dijadualkan pada hari ini bersama dengan pertanyaan YB Kluang yang dijadualkan pada 19 Mac 2019 kerana ia berkaitan dengan isu yang sama iaitu dasar pengambilan pekerja asing.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 14 Ogos 2018, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengenai Pengurusan Pekerja Asing di Malaysia yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah bersetuju untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Bebas Pengurusan Pekerja Asing (JKBPPA) bagi melihat secara menyeluruh mengenai dasar dan pengurusan pekerja asing di Malaysia.

3. Laporan JKBPPA telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing pada 28 Februari 2018 dan seterusnya akan diangkat untuk pertimbangan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

SOALAN NO: 5

4. Kementerian ini akan melaksanakan keputusan-keputusan Kerajaan bagi memastikan pengurusan pekerja asing di negara ini lebih sistematik dan berintegriti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
TARIKH SOALAN : 14 MAC 2019
[KOTA SAMARAHAN]

SOALAN NO. 6

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian bagi menggalakkan penyertaan ramai rakyat Malaysia dalam gerakan-gerakan koperasi bagi mencapai matlamat membudayakan gerakan koperasi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah merangka hala tuju keusahawanan dan koperasi agar lebih bersepadu, bersasar dan efektif. Fokus gerakan koperasi kini adalah kepada bidang keusahawanan yang dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat terutamanya golongan B40.
2. Pada 2018, terdapat 14,245 buah koperasi berdaftar di Malaysia dengan 6.5 juta orang anggota, modal syer sebanyak RM14.78 bilion dan aset sebanyak RM140.39 billion. Bagi tempoh Jun hingga Disember 2018, sebanyak 199 buah koperasi baharu didaftarkan yang mencakupi pelbagai bidang seperti perkhidmatan runcit dan borong, perindustrian, pengangkutan, pembinaan dan pertanian.
3. MED telah melancarkan Rangka Kerja Keusahawanan Negara (*National Entrepreneurship Framework* – NEF) pada November 2018 yang menggariskan hala tuju gerakan koperasi di bawah Teras Strategik Ketiga iaitu “Memperkasa Keusahawanan di Kalangan B40” yang akan memacu koperasi sebagai penggerak utama ekonomi dan keusahawanan sosial (*social enterprise*).

Tuan Yang Dipertua,

4. Setakat ini, aktiviti koperasi yang paling banyak menyumbang kepada jumlah perolehan dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah perbankan dan kredit. Berdasarkan statistik pada 2017, sejumlah 589 buah koperasi perkhidmatan kewangan atau 4.24% menyumbang perolehan sebanyak RM33.45 bilion atau 83.12%.
5. Setakat ini, sebanyak 90% pembiayaan oleh Bank Rakyat adalah dalam bentuk pinjaman peribadi, pinjaman perumahan dan pinjaman kenderaan. Kementerian telah mengarahkan agar Bank Rakyat, salah satu agensi di bawah MED, untuk melihat semula peruntukan pembiayaan yang ditawarkan supaya memberikan lebih fokus kepada bantuan perniagaan koperasi dan pembiayaan PKS iaitu

NO. SOALAN: 6

meningkatkan dari 10% sekarang ke 30% dalam masa beberapa tahun akan datang.

6. Antara program yang dijalankan oleh Kementerian dan Agensi melibatkan koperasi adalah:
 - i. Program koperasi di peringkat sekolah dan IPT;
 - ii. Penubuhan koperasi komuniti;
 - iii. Pengiktirafan gerakan koperasi seperti sambutan Hari Koperasi Negara dan Anugerah Koperasi Terbaik;
 - iv. Satu Daerah Satu Industri (SDSI); dan
 - v. Ekspo Halal Malaysia 2019.

Tuan Yang Dipertua,

7. Kementerian amat sedar akan kepentingan mewujudkan ekosistem yang kondusif serta dasar keusahawanan dan koperasi yang mantap sebagai pemangkin gerakan koperasi di negara ini. Oleh itu, Kementerian sedang melakukan kajian semula Akta Koperasi 1993, Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 dan Akta Maktab Koperasi Malaysia 2011 agar selari dengan hala tuju yang disasarkan oleh pihak Kementerian. Ini termasuk menyelaraskan dan memperkasa peranan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKM) dalam pembangunan koperasi dengan mengambil kira ekosistem yang ada di bawah MED.
8. Pindaan juga akan melibatkan perkara-perkara dasar yang menyentuh aspek memudahkan penubuhan koperasi, memperkenalkan perundangan sendiri (*self-regulatory*) serta memberi lebih banyak *empowerment* kepada gerakan koperasi untuk memajukan koperasi mereka tanpa berkompromi dengan salah tadbir urus dan isu integriti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG
[ISKANDAR PUTERI]
TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 7

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebab mengapa masih tiada hospital Kerajaan di kawasan Parlimen Iskandar Puteri supaya lebih setengah juta rakyat setempat dapat menikmati perkhidmatan Kesihatan mampu milik yang komprehensif dan bukannya hanya bergantung kepada perkhidmatan klinik Kesihatan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Parlimen Iskandar Puteri terletak di dalam Daerah Johor Bahru dengan anggaran populasi penduduk seramai 525,351 orang. Pada masa ini, telah terdapat 3 buah hospital Kerajaan yang berdekatan iaitu Hospital Sultanah Aminah, Hospital Sultan Ismail dan Hospital Permai yang masing-masing berjarak sejauh 21 kilometer, 34 kilometer dan 21 kilometer dari Parlimen Iskandar Puteri. Hospital Pasir Gudang yang juga terletak di Daerah Johor Bharu telah diluluskan pembinaannya di bawah *Rolling Plan* 1, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP1, RMKe-11) terletak sejauh 41 kilometer dari Parlimen Iskandar Puteri dan sedang dalam peringkat ditender semula. Perancangan untuk membina sebuah hospital di kawasan Parlimen Iskandar Puteri akan diteliti pada masa akan datang.

Buat masa ini, pelbagai usaha untuk menaiktaraf fasiliti sedia ada khususnya Hospital Sultanah Aminah (HSAJB) yang berada 21 km dari Parlimen Iskandar Puteri telah dirancang dan dilaksanakan secara

berperingkat. Dalam RMK-10, pelbagai projek telah dilaksanakan antaranya termasuklah pembekalan Peralatan *Angiography Bi-plane* di Jabatan Pengimejan & Diagnostik, peralatan *Invasive Cardiac Lab* (ICL) dan Peralatan *Brainsuite* bagi Perkhidmatan Neurosurgery, HSAJB. Projek Pembinaan Bangunan Baru Jabatan Patologi HSAJB juga sedang di peringkat pembinaan.

Selain itu, dalam RMKe-11, projek Naik Taraf Bilik Bersih Nutrisi Parental (*Parenteral Nutrition*) HSAJB telah pun siap untuk digunakan. Sebuah bangunan baru Jabatan Perubatan Nuklear dan *Positron Emission Tomography/Computed Tomography* (PET-CT) di Hospital Sultan Ismail (HSI) yang dirancang juga telah diluluskan yang akan mengambil alih perkhidmatan perubatan radionuklear sedia ada di HSAJB.

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh, KKM telah menyediakan Perkhidmatan Kesihatan Primer untuk rakyat berdekatan dengan Parlimen Iskandar Puteri iaitu melalui empat (4) Klinik Kesihatan, enam (6) Klinik Desa dan tiga (3) Klinik Komuniti di Parlimen Iskandar Puteri. Sebuah lagi Klinik Kesihatan baharu sedang dibina iaitu Klinik Kesihatan (Jenis 3) Dengan Kuarters Taman Ungku Tun Aminah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.
KADIR (SETIU)

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 8

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan bagi mengatasi isu kelewatan pembayaran gaji kepada pekerja sektor swasta oleh majikan seperti pengawal keselamatan.

PN-1412- L03960

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Kerja 1955 (Akta 265) bagi memastikan majikan di negara ini melaksanakan tanggungjawab mereka membayar gaji pekerja mereka dalam tempoh yang ditetapkan dalam akta.

2. Mengikut seksyen 19, Akta 265, gaji perlu dibayar kepada setiap pekerja tidak lewat daripada hari ketujuh selepas hari-hari terakhir bagi mana-mana tempoh upah.

"Subject to subsection (2), every employer shall pay to each of his employees not later than the seventh day after the last day of any wage period the wages, less lawful deductions earned by such employee during such wage period,

3. Kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja membuat Pemeriksaan Berkanun ke tempat-tempat pekerjaan untuk menguatkuasakan peruntukkan perundangan perburuhan berkaitan keutamaan gaji. Sekiranya terdapat penemuan kegagalan majikan untuk membuat bayaran gaji dalam tempoh yang ditetapkan tindakan pendakwaan akan dijalankan terhadap majikan.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. HASAN BIN BAHROM
KAWASAN : TAMPIN
TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB DATO' DR. HASAN BIN BAHROM minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah bagi memastikan keadaan jalan raya di Malaysia ini sentiasa selamat untuk digunakan, bagi mengelakkan kemalangan jalan raya yang berpunca daripada struktur jalan raya yang rosak tidak diselenggara dengan baik.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik Polis Di Raja Malaysia (PDRM) 85% kemalangan jalanraya adalah disebabkan oleh kecuaiannya pemandu. Manakala selebihnya adalah disebabkan kenderaan tidak disenggara dengan memuaskannya dan juga akibat keadaan jalan. Bagi mengurangkan kemalangan yang diakibatkan oleh keadaan jalan, dua program telah dikenalpasti dan dilaksanakan. Program pertama adalah untuk menyenggara jalan-jalan tersebut supaya berada dalam keadaan baik dan memuaskannya. Satu lagi program adalah untuk meningkatkan tahap keselamatan di jalan-jalan tersebut.

Kementerian Kerja Raya sentiasa mengambil berat tentang penyenggaraan jalan di Malaysia dengan mewujudkan langkah-langkah yang proaktif termasuk pemantauan keadaan kerosakan jalan raya serta tindakan membaikkannya di Malaysia. Bagi penyenggaraan Jalan Persekutuan, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menetapkan *Standard Operating Procedure* (SOP) Senggara Jalan. Prosedur ini digunapakai untuk semua projek penyenggaraan jalan Persekutuan yang dilaksanakan di bawah tanggungjawab JKR Malaysia melalui JKR Negeri dan Daerah sama ada melalui syarikat konsesi atau dilaksanakan sendiri oleh JKR.

Pihak JKR dan syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan sentiasa melaksanakan pemantauan di Jalan Persekutuan bagi memastikan keadaan jalan sentiasa berkeadaan baik dan selamat digunakan oleh pengguna melalui pemeriksaan rutin berdasarkan SOP yang ditetapkan.

Manakala bagi program penyenggaraan pavemen berkala sebagai contohnya *mill and pave, overlay & reconstruction* serta program bukan pavemen berkala seperti mengecat semula garisan jalan, pembaikan / penggantian penghadang jalan (*guardrail*) dan lain-lain sentiasa dilaksanakan setiap tahun berdasarkan kepada kelulusan peruntukan oleh Kementerian

Kewangan. Antara inisiatif yang telah diambil bagi memastikan permukaan jalanraya sentiasa selamat dan selesa untuk pengguna jalanraya adalah dengan mengadakan Kempen *Zero Potholes*. Menerusi kempen ini, semua lubang jalan perlu ditampal dalam tempoh 24 jam. Selain itu, pembaikan di lokasi yang kerap berlaku kemalangan (*blackspot*) juga dilaksanakan setiap tahun mengikut keutamaan dan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ke 11 (RMK 11) Kerajaan telah menyediakan peruntukan di bawah program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya. Peruntukan ini digunakan untuk menaiktaraf dan merawat lokasi-lokasi yang terjadi kemalangan di jalan sedia ada yang dipanggil sebagai 'blackspots'. Kerja-kerja ini merangkumi pembinaan jejantas pejalan kaki, memasang papan tanda tambahan, atau mengecat 'rumble strips' di atas permukaan jalanraya.

JKR juga menjalankan Audit Keselamatan Jalan (RSA) bagi memastikan semua projek jalan memberi tahap keselamatan jalan yang baik dan praktikal kepada semua pengguna jalan. Ini bertujuan memastikan keperluan Keselamatan Jalan bagi semua pengguna jalan diambilkira sewaktu perancangan, rekabentuk, pembinaan dan operasi sesuatu jalan. Pelaksanaan ini membolehkan tindakan pembetulan diambil pada masa yang sesuai untuk mengelakkan kerja-kerja pemulihan diperlukan pada masa akan datang dengan melibatkan kos dan masalah yang lebih rumit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 10

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan untuk membantu rakyat dalam kategori M40 menangani kos sara hidup yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menerusi prinsip dan pendekatan pembangunan secara menyeluruh dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan sentiasa prihatin dalam membantu meningkatkan tahap sosioekonomi dan kesejahteraan semua rakyat secara keseluruhannya termasuklah kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan atau M40.
2. Strategi dan inisiatif untuk menangani kos sara hidup perlu dilaksanakan seiring dengan usaha untuk meningkatkan pendapatan rakyat. Ini akan dapat memastikan kuasa beli rakyat dapat dipertingkatkan. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan bagi tujuan ini adalah seperti berikut:
3. Pertama: **Meningkatkan pendapatan isi rumah M40** menerusi pemerkasaan modal insan. Ini termasuk memastikan akses kepada pendidikan dan latihan yang berkualiti tinggi serta menggalakkan penggunaan teknologi terkini bagi meningkatkan produktiviti. Kerajaan memberi penekanan kepada penglibatan rakyat dalam ekonomi digital dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing. Ini seterusnya dapat membantu meningkatkan pendapatan rakyat.
4. Kedua: **Meningkatkan sokongan bersepadu kepada golongan usahawan**, termasuk isi rumah M40, melalui penyediaan program sokongan keusahawanan kecil dan sederhana di bandar dan luar bandar. Program ini akan memberi penekanan kepada aspek kewangan, pemasaran dan penggunaan teknologi terkini. Ini akan mewujudkan usahawan yang berdaya maju dan berpendapatan tinggi.

5. Ketiga: **Menangani isu dan cabaran yang berkaitan dengan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan** melalui Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dan Majlis Tindakan Ekonomi. Dalam konteks pengangkutan awam contohnya, Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif-inisiatif berikut untuk mengurangkan kos sara hidup:
- i. menawarkan Pas Perjalanan Tanpa Had MY100 dan MY50 mulai 1 Januari 2019 untuk semua warganegara Malaysia; dan
 - ii. menawarkan diskaun sebanyak 20% tambang Keretapi Tanah Melayu (KTM) Komuter. Kemudahan ini akan mula diberikan mulai 1 April 2019 kepada semua warganegara Malaysia.
6. Selain dari itu, usaha untuk memperkukuhkan pemantauan dan penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga akan terus dipergiat.
7. NACCOL bersama-sama Majlis Tindakan Ekonomi akan terus memberi penekanan dan perhatian kepada isu-isu berkaitan kos sara hidup rakyat. Ini bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.
8. Di samping itu, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Menteri bagi mengkaji semula Dasar Monopoli Perkhidmatan dan Bekalan yang dipengerusikan oleh YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Jawatankuasa ini akan mengenal pasti perjanjian konsesi perkhidmatan dan bekalan yang bersifat monopoli serta merancang perubahan dasar dan strategi yang bersesuaian. Usaha ini adalah untuk mencipta pasaran yang lebih efektif yang mesra pasaran dan berdaya saing.

9. Adalah menjadi harapan Kerajaan supaya usaha-usaha ini akan dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat termasuklah golongan M40.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

14 Mac 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM)

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada Kementerian akan membantu menyiasat kes Scorpene dan langkah-langkah yang akan/telah diambil untuk mengelakkan rasuah dan ketirisan dalam proses perolehan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan sentiasa bersedia untuk membantu mana-mana badan siasatan kes Scorpene. Sebagai maklumat kes Scorpene kini dalam siasatan pihak Suruhanjaya Pencerahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Di bawah kerajaan baru, Kementerian Pertahanan akan mengambil langkah-langkah yang lebih tegas bagi mengelakkan rasuah dan ketirisan dalam proses perolehan tidak berlaku. Antaranya ialah melaksanakan cadangan-cadangan dari pihak Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) yang masih menjalankan siasatannya serta mewujudkan Jawatankuasa Pilihan Khas bagi Pertahanan dan Hal Ehwal Dalam Negeri di Parlimen sebagai salah satu proses semak dan imbang dalam pengurusan aset dan pertahanan negara.

Pada masa yang sama, kementerian ini sentiasa melaksanakan perolehan mengikut prosedur dan peraturan kewangan semasa yang berkuatkuasa serta mengamalkan budaya integriti yang tinggi dalam organisasi. Selain daripada itu, pusingan kerja di kalangan pegawai-pegawai yang telah berkhidmat melebihi tiga tahun di bahagian-bahagian yang sensitif turut dilaksanakan.

Kementerian Pertahanan turut menjalankan penilaian risiko rasuah (*Corruption Risk Assessment –CRA*) sebagai satu cara mengelakkan rasuah dan ketirisan dalam proses perolehan. Melalui penilaian risiko rasuah, risiko dan potensi risiko rasuah yang wujud di kementerian dapat dikenalpasti dan tindakan pencegahan boleh diambil. Kementerian ini juga kini ke arah mendapatkan pensijilan Standard Antarabangsa MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti Rasuah (*Anti-Bribery Management System –ABMS*).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : 14.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 12

Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah jaminan dan komitmen dari pihak Kerajaan dalam memastikan Pilihan Raya Kampus yang dilaksanakan di Universiti Awam akan bebas daripada pengaruh parti politik ataupun mana-mana individu yang berkepentingan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab soalan Yang Berhormat Jelebu dengan memetik terlebih dahulu kata-kata Franklin Dr. Roosevelt, "We cannot always build the future for our youth, but we can build our youth for the future."

(Pemansuhan Seksyen Tertentu AUKU)

1. Kementerian Pendidikan telah mengumumkan beberapa perubahan besar di Universiti Awam (UA) untuk mengubah landskap demokrasi dan kebebasan bersuara di UA. Perubahan ini dimulakan dengan penghapusan peruntukan undang-undang yang

menghalang mahasiswa daripada aktif berpolitik di kampus melibatkan Seksyen 15 (2) (C) AUKU yang telah diluluskan di Parlimen pada 4 Disember 2018.

(Pilihan Raya Kampus)

2. Berdasarkan kepada semangat itu, Kementerian Pendidikan terus mengorak langkah pembaharuan ke atas pelaksanaan Pilihan Raya Kampus (PRK) di Universiti Awam (UA). Melalui kenyataan yang dikeluarkan pada 15 September 2018, Kementerian telah membenarkan keterlibatan pelajar dalam pelaksanaan PRK. Pihak pengurusan UA juga telah disarankan untuk menyemak semula tatacara pelaksanaan PRK agar pelajar diberi kebebasan mengendalikan PRK secara telus mengikut acuan kepimpinan mereka sendiri.
3. Usaha-usaha bagi memenuhi matlamat ini telah dan sedang giat dilaksanakan di semua 20 UA. Sebanyak 19 UA telah selesai melaksanakan PRK UA masing-masing dengan menggunakan pendekatan sebagaimana yang dinyatakan tadi.

(Kejayaan UM)

4. Walau bagaimanapun jika kita lihat melalui satu contoh yang baik telah ditunjukkan oleh Universiti Malaya (UM), sejarah telah tercipta buat universiti terulung di negara ini pada 4 Mac 2019 apabila buat pertama kalinya UM dalam sejarah Malaysia setelah hampir 50 tahun PRK dikendalikan sepenuhnya oleh mahasiswa tanpa campur tangan pihak pengurusan universiti. Maksudnya kali terakhir UM dianjurkan PRK oleh mahasiswa sendiri adalah pada 49 tahun yang lalu. Jadi ia merupakan landskap bersejarah bagi warga UM dan juga alumni UM.
5. Apa yang lebih menarik, selain daripada menentukan perwakilan, mahasiswa di UM juga sudah mampu menubuhkan 'Suruhanjaya Pilihan Raya' mereka sendiri yang dikenali sebagai Jawatankuasa

SOALAN NO : 12

Pilihan Raya Kampus Universiti Malaya (JPRKUM) dan dikendalikan sepenuhnya oleh mahasiswa. Ini merupakan hadiah kepada warga UM dan juga alumni UM.

6. Kami di Kementerian Pendidikan amat menghargai kesungguhan untuk menghidupkan demokrasi di peringkat kampus seperti ini, malah lebih membanggakan apabila perjalanan PRK juga berjalan dengan lancar dan penuh harmoni. Ini menunjukkan kita memiliki kelompok mahasiswa yang matang dan bertanggungjawab dalam memelihara kebebasan yang diberikan dan apa yang dilakukan di UM akan dijadikan sebagai *showcase* kepada universiti-universiti yang lain.

(Jaminan dan Komitmen)

7. Inilah jaminan dan komitmen dari pihak Kerajaan dalam memastikan Pilihan Raya Kampus yang dilaksanakan di Universiti Awam akan bebas daripada pengaruh parti politik ataupun mana-mana individu yang berkepentingan.
8. Walau bagaimanapun, setiap pelajar berdaftar dengan universiti adalah tertakluk kepada perlembagaan, peraturan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa di dalam universiti.
9. Kementerian ini yakin bahawa kebebasan bersuara dan semangat autonomi yang diberikan kepada pelajar mampu membentuk generasi pelapis negara yang bersikap lebih terbuka, matang dan bertanggungjawab ke atas keputusan sendiri.
10. PRK yang dikendalikan oleh siswa hanyalah permulaan kepada usaha reformasi siswa dan juga usaha menyemarakkan demokrasi di kampus. Seterusnya ialah usaha menghidupkan semula *Students Union* dan juga pemansuhan AUKU.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN STEPHEN WONG TIEN FATT
KAWASAN : SANDAKAN
TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB TUAN STEPHEN WONG TIEN FATT minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status permintaan kenaikan BDM di negeri Sabah supaya diselaraskan dengan Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Kerja Raya berhasrat untuk menggunapakai Weight Restriction Order (WRO) yang sama di Semenanjung Malaysia dan juga Sabah. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa jambatan di Sabah yang perlu dinaiktaraf atau digantikan dengan yang baharu sebelum WRO yang sama dapat dikuatkuasakan di Sabah. Ini dijangka akan dapat dilaksanakan apabila Lebuhraya Pan Borneo Sabah siap kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]**

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan usaha untuk memulihkan ekonomi dan pendapatan rakyat yang terjejas akibat pertumbuhan ekonomi yang lemah, kejatuhan harga komoditi utama, kos sara hidup yang terus meningkat dan pembuangan kerja yang berterusan manakala peluang pekerjaan baru pula semakin terhad.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ekonomi Malaysia berkembang pada kadar 4.7% pada tahun 2018, iaitu masih dalam lingkungan kadar pertumbuhan yang disasarkan. Pertumbuhan ini didorong oleh penggunaan dan pelaburan swasta yang terus meningkat dan dipacu oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Kestabilan ekonomi ini juga disokong oleh kepelbagaian sumber pertumbuhan ekonomi yang tidak terlalu bergantung pada mana-mana komoditi, sektor atau pasaran eksport. Kadar pengangguran pula terus berada pada tahap guna tenaga penuh iaitu di bawah 4%. Manakala kedudukan inflasi terus terkawal pada kadar 1.0% pada tahun 2018 berbanding 3.7% pada tahun 2017 dan merupakan yang terendah sejak tahun 2010, hasil daripada langkah-langkah penyesuaian fiskal dan kewangan serta pentadbiran.
2. Di samping pertumbuhan ekonomi, Kerajaan juga komited untuk terus menumpukan kepada aspek pembangunan sosial dan kesejahteraan rakyat. Kerajaan sedar bahawa cabaran seperti kejatuhan harga komoditi utama pada tahun 2018 serta kos sara hidup yang kian meningkat telah sedikit sebanyak menjejaskan pendapatan boleh guna rakyat. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, beberapa dasar yang telah dirancang untuk menangani isu dan cabaran berkaitan ketidaksamaan pertumbuhan antara negeri, pembahagian pendapatan yang tidak serata antara pekerja dan pemilik modal,

jurang antara kumpulan pendapatan terutamanya kumpulan pendapatan 40% terendah atau B40, kadar pengangguran belia yang tinggi dan peningkatan kos sara hidup.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Bagi mengatasi isu dan cabaran ini, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan agenda pembaharuan ekonomi dalam usaha merancakkan lagi pertumbuhan supaya lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan dapat diwujudkan. Sehubungan itu, tumpuan akan diberikan kepada program Kerajaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi termasuk pembangunan modal insan dan peningkatan produktiviti dan aktiviti inovasi serta kreativiti.
4. Ini termasuk galakan penggunaan aplikasi teknologi moden dan amalan pertanian terbaik bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan para petani dan pekebun kecil yang terjejas kesan kemerosotan harga komoditi. Usaha bagi membantu pekebun kecil menambah pendapatan dilaksana dengan menggalakkan penggabungan aktiviti pertanian dalam satu kawasan seperti penanaman cendawan yang mempunyai nilai tinggi dalam kawasan tanaman kelapa sawit. Penggabungan aktiviti menerusi pengurusan berasaskan komuniti juga digalakkan bagi menjamin jualan secara pukal untuk menikmati faedah ekonomi bidangan. Bagi menangani isu kejatuhan minyak sawit, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk terus meneroka pasaran baharu bagi memasarkan produk berasaskan kelapa sawit. Sebagai contoh, baru-baru ini syarikat Malaysia berjaya menandatangani perjanjian

bernilai hampir AS\$900 juta bagi membekalkan 1.62 juta tan minyak sawit ke negara China.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Meskipun kadar kenaikan gaji dan upah secara puratanya lebih tinggi berbanding dengan kenaikan kadar inflasi, namun jika ditinjau mengenai kadar gaji dan upah bagi siswazah yang baru mula bekerja didapati kadar tersebut adalah tidak banyak berubah jika dibandingkan dalam tempoh sedekad yang lalu. Peningkatan jumlah pendapatan yang tidak setara dengan perbelanjaan terutamanya dalam kalangan B40 menyebabkan rakyat terbeban dengan kos sara hidup yang semakin meningkat.
6. Dalam usaha membantu rakyat untuk menangani kos sara hidup dan meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat, Kerajaan telah menyusun semula struktur ekonomi dengan memberi penekanan untuk mempercepatkan transformasi firma ke arah automasi dan mekanisasi dengan melabur dalam teknologi yang akan membantu menjana lebih banyak peluang pekerjaan bergaji tinggi. Kerajaan juga telah melaksanakan usaha bagi meningkatkan pendapatan dengan menaikkan serta menyelaraskan kadar gaji minimum kepada RM1,100 di seluruh negara mulai 2019 yang biasanya dikaji semula setiap dua tahun. Kenaikan gaji minimum ini perlu diselaraskan dengan kenaikan produktiviti pekerja. Selain itu, Kerajaan juga komited untuk memperkukuhkan sistem perlindungan sosial, termasuk mengkaji semula program jaringan keselamatan sosial supaya lebih bersasar.

7. Bagi mengatasi isu pembuangan kerja pula, Kerajaan akan memastikan setiap majikan perlu melaksanakan prinsip FWFO (*Foreign Workers–First Out*) iaitu pekerja asing diberhentikan terlebih dahulu. Majikan juga perlu melaksanakan prinsip LIFO (*Last-In-First-Out*) dalam kategori pekerjaan yang sama, jika keseluruhan pemberhentian hanya melibatkan pekerja tempatan. Kerajaan juga telah memperkenalkan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 bagi membantu golongan pekerja yang kehilangan pekerjaan untuk mendapatkan bantuan kewangan dan mencari pekerjaan baharu. Kerajaan turut memastikan pewujudan peluang pekerjaan baharu melalui peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula di samping menggalakkan keusahawanan.
8. Bagi menangani isu kenaikan harga barangan dan perkhidmatan pula, Kerajaan telah mengaktifkan semula Majlis Tindakan Sara Hidup Negara bagi menyusun strategi untuk menurunkan kos sara hidup rakyat dengan menumpukan kepada aspek seperti makanan, pengangkutan, kesihatan, utiliti, pendidikan dan perumahan. Baru-baru ini, Kerajaan telah menurunkan harga siling petrol RON95 daripada RM2.20 kepada RM2.08 seliter meskipun harga minyak dunia terus meningkat. Pengenalan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang mana item dikecualikan daripada cukai jualan hampir sepuluh kali ganda berbanding hanya 545 item yang dikenakan pada kadar sifar di bawah sistem Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) telah menyumbang kepada penurunan kadar inflasi berikutan pengurangan kos pengeluaran.

9. Kerajaan juga akan menggalakkan lebih banyak persaingan dan mengurangkan amalan monopoli bagi menangani herotan pasaran dan melindungi kepentingan pengguna. Penyediaan lebih banyak ruang yang menawarkan barangan dan perkhidmatan pada harga yang kompetitif juga akan diperluaskan dengan penglibatan lebih banyak koperasi yang mengendalikan kedai harga patut untuk faedah ahli dan komuniti setempat.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

14 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 14.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO.15

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status UIAM Kampus Gambang memandangkan staf yang diminta untuk berpindah pada Jun 2018 masih menunggu arahan untuk berpindah ke Kampus Gambang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(Pengenalan Projek Asasi UIAM Gambang)

1. Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Gambang Kuantan akan dibuka dan menerima kemasukan pelajar untuk kemasukan baharu mulai Jun 2019. Pembangunan Pusat Asasi UIAM Gambang ini dilaksanakan di bawah konsep *Private Finance Initiative* (PFI).
2. Cadangan pembangunan Pusat Asasi UIAM Gambang dibina untuk memberi kemudahan dan keselesaan pengajaran, pembelajaran dan penempatan kepada 5,000 orang pelajar.

(Maklumat Pembangunan Mengikut Fasa)

3. Pembinaan pembangunan ini telah dilaksanakan melalui 3 fasa bermula dengan fasa 1 iaitu Kerja-kerja Tanah yang telah disiapkan pada Ogos 2010. Pada peringkat fasa 2 yang merangkumi 1 Blok Pentadbiran dan 1 Blok Kolej Kediaman Pelajar untuk 800 orang pelajar serta kafeteria telah disiapkan pada Oktober 2013. Kedua-dua fasa 1 dan fasa 2 ini dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya Malaysia di bawah kontrak konvensional.
4. Pembangunan fasa 3 pula merangkumi pembinaan beberapa blok akademik, blok makmal, blok Pusat Kemudahan Pelajar (Central Facilities), 5 blok kolej kediaman yang mampu menampung kapasiti 4200 orang pelajar, 2 kafeteria serta kemudahan sukan dan rekreasi.

(Masalah dan Kesediaan Operasi)

5. Sebanyak lapan kali lawatan tapak (Join Inspection) telah dilaksanakan untuk mengenalpasti kerosakan utama terhadap bangunan dan juga kemudahan pelajar. Berdasarkan lawatan tapak

SOALAN NO : 15

yang terkini iaitu pada 15 hingga 16 Mei 2018, telah dikenal pasti bahawa terdapat hanya 3 Major *Non-Conformance* (NCR) iaitu berkaitan dengan kemudahan pelajar kelainan upaya (OKU). Kemudahan ini akan diperbaiki oleh Konsesi Pusat Asasi Gambang (KPAG).

6. Syarikat Zelan Bhd. yang terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah dan juga konsultan yang terlibat akan disenarai hitam oleh agensi-agensi yang berkaitan di atas kegagalan menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan.
7. Kerajaan akan membuat pembayaran kepada Syarikat Zelan Bhd. setelah semua kerja-kerja pembaikan yang disenaraikan dilaksanakan dengan sempurna dan perjanjian tambahan ditandatangani.
8. Ekoran dari itu Pusat Asasi UIAM Gambang akan memulakan operasi pengajaran dan pembelajaran di kemudahan Fasa 3 untuk tujuan kemasukan pelajar pada sesi akademik Jun 2019.

Sekian, terima kasih.

RJM 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU
(LIBARAN)

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan langkah dan pendekatan strategik yang dilaksanakan bagi memperkukuhkan kawalan keselamatan di Sabah, terutama perairan pantai timur, bagi memberi keyakinan kepada rakyat Sabah serta pelancong asing yang berkunjung ke negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan sentiasa memandang serius tentang isu keselamatan negara dan ke arah itu, pelbagai usaha telah dan sedang diambil dalam memastikan kedaulatan negara akan terus terpelihara daripada sebarang bentuk ancaman. Sejak berakhirnya Operasi DAULAT pada 29 Jun 2013, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah meneruskan usahanya untuk memperkukuhkan pertahanan dan kedaulatan negara termasuklah di negeri Sabah; khususnya di kawasan Pantai Timur Sabah.

Sehingga kini, peningkatan keupayaan ATM di negeri Sabah melalui atur gerak trup dan aset tambahan akan dikekalkan (*status quo*) dengan memperagakan kehadiran (*show of presence*), memperkukuhkan kawalan keselamatan di Kawasan Tanggungjawab (KTJ) daripada dibolosi penjenayah rentas sempadan serta ancaman-ancaman yang lain; dan juga sebagai langkah menghadapi sebarang kemungkinan ancaman di masa hadapan.

Peningkatan keupayaan ATM di negeri Sabah melibatkan atur gerak trup dan aset tambahan dari ketiga-tiga Perkhidmatan, iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Peningkatan ini telah dilaksanakan secara berperingkat sejak 26 Disember 2014 merangkumi penambahan Batalion Infantri, Kompeni *Parachute* (Para), Kompeni Mekanize (Mek), aset-aset TLDM termasuk Pangkalan Laut (*Sea Bases*), aset TUDM dan Pasukan-pasukan Khas daripada ketiga-tiga Perkhidmatan ATM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]
TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 17

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keberkesanan implementasi "*Smoking Ban*" di seluruh negara dan langkah-langkah seterusnya untuk meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat tentang kebaikan polisi tersebut;

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Tembakau dan produk tembakau merupakan komoditi sah yang didagangkan namun ia terbukti secara saintifik **membunuh separuh daripada penggunaanya**. Oleh itu penggunaan tembakau dan produk tembakau adalah dikawal di bawah konvensyen antarabangsa iaitu *Framework Convention on Tobacco Control (WHO FCTC)* di mana Malaysia merupakan ahli parti kepada konvensyen ini semenjak 2005.

Pada 23hb September 2004, Pewartaan Kawasan Larangan Merokok di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT 2004) telah mula berkuatkuasa. Manakala, kawasan larangan merokok diperluas ke semua tempat makan dikuatkuasa mulai 1hb Januari 2019 di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2018.

Peraturan ini bertujuan untuk melindungi golongan orang ramai terutama golongan bukan perokok daripada terdedah kepada bahaya asap rokok dan membudayakan amalan tidak merokok kawasan tumpuan orang awam.

Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil pendekatan “*soft approach*” (dengan izin), dengan memulakan aktiviti penguatkuasaan pendidikan sehingga bulan Jun 2019 bagi memberi peluang segenap lapisan masyarakat mengubah tabiat merokok sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Sebagai permulaan kepada pindaan pewartaan ini, semua negeri telah melaksanakan penguatkuasaan pendidikan yang merangkumi aktiviti pemakluman berkenaan tempat-tempat larangan merokok melalui edaran risalah, makluman secara individu serta makluman di media massa dan media sosial. Selain daripada edaran risalah dan makluman individu, mereka yang masih merokok di tempat larangan akan diberikan amaran secara bertulis.

Aktiviti Penguatkuasaan Pendidikan juga merangkumi aktiviti memperingatkan Tuan Punya Premis akan tanggungjawab mereka untuk meletakkan tanda larangan merokok dan memastikan tiada orang merokok sebagaimana Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004. Sehingga kini sebanyak 22,047 amaran bertulis telah dikeluarkan di mana 20,351 adalah amaran kepada Tuan Punya Premis yang gagal meletakkan tanda amaran merokok dan 1696 amaran kepada individu yang masih merokok di tempat makan. Mulai Julai 2019, penguatkuasaan sepenuhnya akan dilaksanakan oleh 5008 pegawai kesihatan persekitaran di seluruh negara.

Yang di-Pertua,

Sokongan serta maklumbalas positif akan pelaksanaan ini dapat dilihat di mana seramai 151,000 rakyat Malaysia telah menandatangani petisyen untuk terus komited menyokong pelaksanaan ini manakala lebih 30 badan-badan professional kesihatan dan badan-badan bukan Kerajaan akan terus membantu menyokong pihak Kementerian Kesihatan Malaysia melaksanakan larangan ini.

KKM juga komited untuk terus meluaskan pewartaan tempat dilarang merokok terutama di tempat-tempat awam demi melindungi kesihatan masyarakat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED
@ HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 14 MAC 2019 | KHAMIS

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setiap nilai aset (ekuiti dan Hartanah) yang telah dipindahkan oleh Lembaga Tabung Haji kepada Syarikat Urusharta Jamaah Sdn Bhd yang berakhir pada 31 Disember 2018

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhan, aset-aset yang telah dipindahkan terdiri daripada 29 harta tanah, 1 syarikat tidak tersenarai dan 106 sekuriti ekuiti domestik.

Semua aset-aset tersebut telah dipindahkan kepada SPV milik penuh Kerajaan pada nilai perpindahan RM19.9 bilion.

Nilai perpindahan ini adalah lebih tinggi berbanding nilai semasa/nilai buku yang berjumlah sekitar RM10 bilion. Ini ditetapkan bertujuan membolehkan Kerajaan membantu Lembaga Tabung Haji (**TH**) menutup jurang defisit di antara aset dan liabiliti serta mengimbangi rosot nilai yang perlu direkodkan bagi tahun 2018.

Berdasarkan nilai keseluruhan pada RM19.9 bilion, nilai perpindahan bagi setiap aset ditentukan berdasarkan jenis aset.

SOALAN NO : 18

- Bagi harta tanah dan syarikat tidak tersenarai, premium ke atas nilai buku asal, manakala
- Bagi sekuriti ekuiti domestik, nilai buku asal atau kos asal pelaburan **TH** digunapakai.

Senarai setiap aset serta nilai perpindahan adalah seperti berikut:-

Harta Tanah				
Bil	Butir-butir	Jenis	Nilai Buku (RM)	Nilai Perpindahan (RM)
1	TRX, KL	Tanah	196,006,930	400,000,000
2	Jalan Hill, NS	Tanah	5,900,000	8,966,423
3	Klebang, Melaka	Tanah	48,000,000	72,947,169
4	Precint 4, Putrajaya	Tanah	91,580,000	139,177,120
5	Segamat, Johor	Tanah	39,996	60,783
6	THHC Kuching Hotel	Tanah	3,800,000	5,774,984
7	Kuala Lipis, Pahang	Tanah	2,718	80,000
8	THHC Kuching Hotel	Hotel	203,885,560	309,851,550
9	TH Hotel Terengganu	Hotel	88,000,000	133,736,477
10	TH Hotel Alor Setar	Hotel & Pejabat	105,693,423	160,625,749
11	TH Hotel Kota Kinabalu	Hotel	72,500,000	110,180,620
12	TH Hotel Bayan Lepas	Hotel	59,000,000	89,664,229
13	Platinum Park	Bangunan Komersial	485,810,740	737,399,698
14	Batu Pahat, Johor	Bangunan Komersial	330,000	501,512
15	Pekan, Pahang	Bangunan Komersial	1,990,000	3,024,268
16	Greenhall, Penang	Bangunan Komersial	3,200,000	4,863,145
17	Kota Bharu, Kelantan	Bangunan Komersial	10,500,000	15,957,193
18	Raub, Pahang	Bangunan Komersial	1,375,000	2,089,632

SOALAN NO : 18

19	Simpang Kuala, Kedah	Bangunan Komersial	4,600,000	6,990,770
20	Kulim, Kedah	Bangunan Komersial	700,000	1,063,813
21	Sg. Petani, Kedah	Bangunan Komersial	655,000	995,425
22	Kuala Perlis, Perlis	Bangunan Komersial	264,990	550,000
23	Bandar Tasik Selatan, KL	Bangunan Komersial	1,080,000	1,800,000
24	Jalan Tampin-Seremban, NS	Bangunan Komersial	850,000	1,291,773
25	Johor Bahru, Johor	Bangunan Komersial	1,850,000	3,000,000
26	Kuala Krai, Kelantan	Bangunan Komersial	312,489	650,000
27	Gua Musang, Kelantan	Bangunan Komersial	650,000	987,826
28	Sandakan, Sabah	Bangunan Komersial	1,668,979	2,536,402
29	Hicom-Glenmarie	Bangunan Kilang	21,000,000	31,914,386
Jumlah			1,410,651,797	2,246,680,947

Syarikat Tidak Tersenarai

Bil	Butir-butir	Jenis	Nilai Buku (RM)	Nilai Perpindahan (RM)
1	TH Estates (Holdings) Sdn Bhd	Saham Biasa	713,707,632	796,468,248
		RCPS	4,614,870	5,307,101
Jumlah			718,322,502	801,775,349

Sekuriti Ekuiti Domestik				
Bil	Butir-butir	Jumlah Pegangan Saham	Nilai Pasaran Semasa 31-Dis-2018 (RM)	Nilai Perpindahan / Kos Asal Pelaburan (RM)
1	Adventa Berhad	14,335,900	6,236,117	38,787,042
2	Ahmad Zaki Resources Berhad	21,766,700	6,638,844	21,776,831
3	Alam Maritim Resources Berhad	91,965,700	7,357,256	111,224,108
4	Amway (Malaysia) Holdings Berhad	204,000	1,224,000	2,033,468
5	Ann Joo Resources Berhad	19,102,000	23,877,500	62,839,211
6	APB Resources Berhad	8,850,300	7,168,743	13,662,764
7	Axiata Group Berhad	237,100,065	931,803,255	1,422,605,154
8	AZRB-WA	14,433,400	1,443,340	2,598,012
9	Bintulu Port Holdings Berhad	17,000,000	76,500,000	111,872,988
10	Bonia Corporation Berhad	18,749,300	4,124,846	17,755,445
11	Boustead Heavy Industries Corporation	18,646,300	24,426,653	46,600,438
12	Boustead Plantations Berhad	75,389,100	56,541,825	88,988,604
13	Brahims Holdings Berhad	45,553,450	12,754,966	83,605,981
14	Bumi Armada Berhad (NS)	51,962,800	8,054,234	115,248,112
15	CSC Steel Holdings Berhad	27,281,800	27,827,436	54,227,910
16	Datasonic Group Berhad	124,153,400	50,282,127	159,153,898
17	Dayang Enterprise Holdings Berhad	76,367,600	41,238,504	202,233,786
18	Destini Berhad	53,354,000	10,937,570	31,606,717
19	DIGI.COM Berhad	112,332,500	500,328,955	576,240,738

SOALAN NO : 18

20	DSONIC-WA	62,076,700	4,655,753	7,449,204
21	Eastern & Oriental Berhad	94,248,000	105,557,760	182,022,281
22	Econpile Holdings Berhad	27,169,650	10,460,315	31,146,480
23	Ekovest Berhad	33,558,000	14,933,310	32,377,194
24	Enra Group Berhad	5,000,000	8,100,000	14,508,945
25	Eversendai Corporation Berhad (NS)	40,285,600	26,991,352	66,484,163
26	Fajarbaru Builder Group Berhad	5,908,600	1,861,209	5,574,700
27	Felda Global Ventures Holdings Berhad	283,710,100	202,852,722	1,310,020,819
28	Gadang Holdings Berhad	33,829,500	17,253,045	39,107,656
29	Gamuda Berhad	90,495,000	206,238,105	452,527,684
30	Gamuda-WE	139,124,600	20,868,690	69,562,300
31	Globetronics Technology Berhad	9,000,000	15,750,000	24,524,988
32	Glomac Berhad	80,060,310	31,223,521	71,822,502
33	Hap Seng Plantations Berhad	66,074,500	108,362,180	173,843,559
34	Hiap Teck Venture Berhad	22,587,200	5,082,120	10,503,219
35	Hiaptek-LA RCUIDS	20,005,360	5,501,474	9,900,453
36	Icon Offshore Berhad	103,611,268	7,252,789	139,003,037
37	IJM Corporation Berhad	227,307,500	368,238,150	773,964,985
38	Ikhmas Jaya Group Berhad	24,261,700	2,426,170	17,046,476
39	Integrated Logistic Berhad (NS)	20,584,783	9,571,924	34,646,882
40	Kimlun Corporation Berhad	12,112,500	13,081,500	27,114,696
41	KSL Holdings Berhad	71,800,000	50,978,000	87,486,251
42	Lafarge Malaysia	13,450,100	24,344,681	83,867,207

SOALAN NO : 18

	Berhad			
43	Land & General (NS)	126,094,540	17,022,763	34,717,030
44	Lingkar Trans Kota Hldgs	16,754,100	69,529,515	96,410,256
45	Lion Industries Corporation Berhad	44,026,800	22,013,400	71,991,567
46	Lotte Chemical Titan Holdings Berhad	57,672,100	266,445,102	365,226,962
47	Mah Sing Group Berhad	139,994,900	128,095,334	227,172,077
48	Malakoff Corporation Berhad	500,000,000	400,000,000	901,983,652
49	Malaysia Marine & Heavy Engineering	105,619,000	57,562,355	443,875,189
50	Maxis Berhad	128,503,600	681,197,584	879,395,994
51	MCT Berhad	133,480,000	99,442,600	170,854,400
52	Melati Ehsan Holdings Berhad	8,612,900	4,521,773	12,467,867
53	Minda Global Berhad	55,040,000	3,027,200	11,007,245
54	MISC Berhad	65,511,300	438,925,710	486,532,216
55	Mitrajaya Holdings Berhad	17,506,710	4,901,879	15,801,475
56	MK Land Holdings Berhad	31,526,500	5,674,770	12,371,696
57	MMC Corporation Berhad	233,819,700	194,070,351	583,463,246
58	MRCB-WB	69,935,500	14,336,778	18,882,585
59	MSM Malaysia Holdings Berhad	35,000,000	91,000,000	174,136,984
60	Mudajaya Group Berhad	53,865,500	15,620,995	154,947,016
61	MY E.G. Services Berhad	11,761,300	11,467,268	18,560,631
62	NAIM Holdings Berhad	24,827,200	11,048,104	78,271,318
63	Notion Vtec Berhad	17,334,003	10,487,072	23,445,366
64	Parkson Holdings Berhad	105,908,219	25,947,514	331,645,737

SOALAN NO : 18

65	Pelikan International Corporation Berhad	157,185,498	54,228,997	329,489,901
66	Petra Energy Berhad	31,707,012	12,841,340	64,699,164
67	Pharmaniaga Berhad	11,586,700	32,211,026	63,085,694
68	Pintaras Jaya Berhad	11,352,100	25,315,183	41,766,827
69	POS Malaysia Berhad	7,218,400	12,415,648	35,037,539
70	Progressive Impact Corporation Berhad	65,000,000	7,800,000	25,221,300
71	Puncak Niaga Holdings Berhad	44,073,600	15,425,760	139,266,369
72	Reach Energy Berhad	106,480,800	31,411,836	72,552,289
73	REACH-WA	38,307,200	2,681,504	4,405,328
74	Rimbunan Sawit Berhad	2,210,400	342,612	696,557
75	SP Setia Berhad	71,799,700	167,293,301	228,693,146
76	Sapura Energy Berhad	120,428,700	34,924,323	212,660,769
77	Sarawak Plantation Berhad	18,791,400	31,945,380	59,177,390
78	Scomi Energy Services Berhad	108,317,600	4,332,704	87,123,728
79	Sime Darby Plantation Berhad	59,363,900	282,572,164	327,131,323
80	SKP Resources Bhd	19,986,500	20,985,825	30,818,738
81	Star Media Group Berhad	39,806,300	27,267,316	125,679,749
82	Suria Capital Holdings Berhad	26,800,000	44,220,000	64,518,915
83	Symphony Life Berhad	22,609,000	7,460,970	18,961,545
84	Telekom Malaysia Berhad	40,470,000	107,650,200	241,202,959
85	TH Heavy Engineering Berhad	334,162,107	10,024,863	380,349,719
86	TH Heavy Engineering Berhad (ICPS)	1,097,228,735	16,458,431	315,453,262
87	Titijaya Land Berhad	34,512,000	10,353,600	31,116,319

SOALAN NO : 18

88	Titijaya Land Berhad (ICPS)	4,000,000	140,000	330,000
89	TRC Synergy Berhad	34,834,952	18,810,874	28,042,859
90	TSH Resources Berhad	61,350,200	60,736,698	131,156,638
91	TSR Capital Berhad	16,926,500	5,924,275	22,613,657
92	UEM Edgenta Berhad	48,313,300	131,412,176	156,929,286
93	UEM Sunrise Berhad	348,871,500	231,999,548	624,513,480
94	UMW Hldgs	22,760,300	124,498,841	148,352,797
95	UZMA Berhad	26,263,200	15,101,340	66,694,838
96	Velesto Energy Berhad	410,247,380	73,844,528	289,075,730
97	Velesto-WA	69,066,620	4,489,330	8,287,994
98	Wah Seong Corporation Berhad	15,733,700	9,990,900	25,934,641
99	WCT Holdings Berhad	118,655,900	80,092,733	240,692,475
100	White Horse Berhad	22,468,700	34,377,111	47,380,871
101	WTK Holdings Berhad	8,949,700	3,848,371	28,356,507
102	WZ Satu Berhad	43,498,672	8,264,748	33,214,351
103	Yi-Lai Berhad	16,480,000	9,228,800	23,677,758
104	YLI Holdings Berhad	9,312,300	1,909,022	30,575,371
105	YTL Power International (NS)	49,017,630	40,684,633	68,484,649
106	Zhulian Corporation Berhad	17,948,700	22,130,747	37,393,875
Jumlah		7,470,336,659	16,851,543,704	

Untuk memberi gambaran yang lebih jelas, mengambil beberapa contoh aset.

- Bagi tanah di Tun Razak Exchange, ia telah dipindahkan pada nilai RM400 juta dengan premium sebanyak RM204 juta ke atas nilai buku asal **TH** iaitu RM196 juta.
- Bagi saham Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), ia telah dipindahkan pada nilai RM4.62 sesaham, iaitu harga kos asal pelaburan **TH**. Ini adalah lebih tinggi berbanding harga pasaran semasa pada hujung

2018 iaitu 72sen sesaham. Berdasarkan pegangan sebanyak 283.7 juta saham, **TH** sepatutnya mengalami kerugian menjangkau RM1.1 bilion pada hujung 2018 (iatu kerugian sebanyak 84% daripada jumlah keseluruhan pelaburan asal RM1.3 bilion).

- Bagi saham seperti Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), walaupun syarikat ini untung, kos asal pelaburan **TH** adalah tinggi pada RM1.80 sesaham. Berdasarkan harga semasa pada hujung 2018 iaitu 80sen dan jumlah pegangan 500 juta saham, jumlah kerugian setengah billion ringgit (atau kerugian 55% daripada jumlah pelaburan asal) perlu ditanggung **TH**. Mengenai dividen yang diberikan Malakoff sekitar RM30 juta setahun, peratusan sebenar dividen yang dinikmati **TH** hanyalah sekitar 3.3%, bukan 7.5%, kerana kos asal keseluruhan pelaburan **TH** adalah berjumlah RM900 juta (peratusan dividen yang tinggi pada 7.5% hanya betul jika dikira berdasarkan harga pasaran semasa yang rendah). Sebagai gambaran mudah, **TH** perlu menunggu selama 17 tahun untuk menutup semula kerugian setengah billion yang dialami jika ingin bergantung kepada dividen RM30 juta setahun.

Jika kadar rosot nilai yang berhemat telah diamalkan sebelum ini oleh pengurusan lama, bukan pada tahap 90%, dan peruntukan rosot nilai dibuat pada penyata untung rugi pada tahun-tahun yang lepas, sudah tentu **TH** dapat terus memegang kesemua saham ini. Kesemua kerugian saham ini telah diletakkan di bawah 'rizab-rizab lain' dalam Penyata Kewangan supaya keuntungan tahun semasa kekal tinggi untuk tujuan pembayaran hibah pada tahun-tahun terdahulu, menyebabkan jurang di antara aset dan liabiliti bertambah. Berdasarkan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2017, 'rizab-rizab lain' ini menunjukkan nilai negatif sebanyak RM4.6 bilion.

Hasrat Kerajaan adalah untuk membantu memulihkan kedudukan kewangan **TH** dengan mengambil alih kerugian yang dialami agar defisit yang semakin meningkat dapat ditutup.

Untuk makluman, objektif penubuhan SPV yang dimiliki penuh Kerajaan, dikenali sebagai Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB), adalah untuk membantu mengambilalih aset-aset **TH** yang mengalami kejatuhan nilai bagi menutup jurang diantara aset dan liabiliti yang dialami oleh **TH**. Ini perlu dicapai bagi

SOALAN NO : 18

membolehkan **TH** membuat agihan hibah yang selaras dengan Akta Tabung Haji 1995.

Tujuan dan peranan UJSB adalah seperti berikut:

- 1) menjalankan proses rehabilitasi aset-aset melalui strategi pengudangan (warehousing strategy) dan penstrukturan semula;
- 2) meneruskan kelangsungan operasi aset-aset yang diambilalih;
- 3) memaksimumkan nilai ambil pulih (asset recovery value); dan
- 4) menebus kesemua instrumen kewangan yang telah diterbitkan oleh UJSB dan dilanggan oleh **TH**.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
(LANANG)

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 9

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) bilangan penganggur mengikut tahap pendidikan secara terperinci yang terkini; dan
- (b) apakah strategi untuk mengurangkan kadar pengangguran terutamanya di kalangan siswazah supaya kes penipuan pekerjaan di Kemboja yang melibatkan 47 anak Malaysia tidak berlaku lagi di Malaysia.

PN-1412- L04169

SOALAN NO:19**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, pengangguran terkini (2017) mencatatkan kadar 3.4 peratus, mewakili 502,600 orang bilangan penganggur. Bilangan penganggur mengikut tahap pendidikan pula adalah seperti berikut:-

Tahap Pendidikan	Bilangan ('000)
UPSR/UPSRA atau yang setaraf	34.5
PT3/PMR/SRP/LCE/SRA atau yang setaraf	50.7
SPM atau yang setaraf	216.0
STPM atau yang setaraf	17.7
Sijil	19.0
Diploma	70.8
Ijazah	66.6
Tiada sijil	16.5
Tidak berkenaan	11.0

SOALAN NO:19

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Kementerian Sumber Manusia (KSM), melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu para pencari kerja bagi mendapatkan pekerjaan di negara ini. Ini termasuklah dikalangan siswazah yang baru menamatkan pengajian. Antara program yang telah dilaksanakan ialah penganjuran Karnival Pekerjaan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah di seluruh negara yang diadakan sepanjang tahun. Bagi tujuan tersebut juga, JTK juga meneruskan kerjasama Universiti Awam (UA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dengan menganjurkan Karnival Pekerjaan tersebut di seluruh negara bagi memudahkan para bakal graduan, lepasan graduan dan belia untuk dipadankan dengan kekosongan jawatan yang ditawarkan.

3. KSM juga telah berkerjasama dengan Kementerian Kewangan melalui agensi yang terlibat turut menganjurkan Program *Job Fair @ UTC*. Pada 2018, penganjuran *Job Fair @ UTC* 4.0 dan 5.0 yang telah diadakan pada 3 Mac 2018 dan 6 Oktober 2018 yang telah melibatkan UTC negeri di seluruh negara. Melalui program ini, ia telah memberikan impak yang positif dalam menyampaikan perkhidmatan pekerjaan di lapangan dan yang berkualiti kepada rakyat melalui penubuhan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh negara. Kementerian juga telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Pusat Sehenti Perkhidmatan Pekerjaan Kebangsaan di semua UTC negeri di mana Pusat *JobsMalaysia* beroperasi.

SOALAN NO:19

4. Pelbagai program yang bermanfaat dan berfaedah turut dilaksanakan semasa program karnival tersebut berlangsung. Ini termasuk Program Penyesuaian Kerjaya (2PK) di mana beberapa modul yang relevan kepada bakal para pencari kerja dan siswazah telah diperkenalkan seperti ujian personaliti, *tips* menghadiri temuduga, penulisan *resume*, pengurusan kewangan dan pembangunan kerjaya.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Penempatan pencari kerja keseluruhan dari 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018, seramai 168,677 orang pencari kerja yang terdiri daripada 47,073 orang siswazah dan 121,604 orang bukan siswazah.

6. Kementerian juga telah mempertingkatkan usaha kolaborasi industri dalam pendidikan dan latihan dalam pembangunan tenaga kerja untuk memenuhi keperluan industri kini dan akan datang. usaha ke arah menawarkan latihan berkualiti tinggi dan menggalakkan pembangunan tenaga kerja melalui pembangunan kurikulum dan latihan *Tecnichal and Vocational Education Trainning* (TVET) bagi memenuhi keperluan kemahiran industri. Jawatankuasa Industri dan Kemahiran menjadi platform rasmi bagi menambah peluang pekerjaan dan memperbaiki padanan pekerja dengan pekerjaan.

SOALAN NO:19

7. Belia dan siswazah perlu juga memperlengkapkan diri dengan kompetensi-kompetensi yang diperlukan oleh pasaran kerja semasa termasuk kemahiran-kemahiran lain seperti kepimpinan, komunikasi, kemampuan menyelesaikan masalah dan sebagainya. Nilai tambah (*value added*) yang ada pada para pencari kerja adalah antara faktor yang penting dalam menentukan kebolehpasaran golongan ini dalam bidang pekerjaan dan secara tidak langsung akan dapat menangani isu pengangguran dikalangan mereka.

8. *Malaysia Oversea Employees Management Centre* (MOEMC) di Putrajaya, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu telah ditubuhkan bertujuan untuk memperkukuhkan perlindungan dan kebajikan kepada warganegara yang bekerja diluar Negara daripada sebarang isu ekplotasi penggajian. Penggajian pencari kerja tempatan bekerja di luar Negara boleh dikawal oleh Pejabat Perkhidmatan Pekerjaan Negeri, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia melalui Akta 246 (Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981) seperti berikut:

i) Memastikan Agensi Pekerjaan Swasta (APS) melaksanakan tanggungjawab mengikut prosedur seperti berikut :

a) Mendapatkan '*Job Order*' daripada majikan yang hendak menggajikan pencari kerja tempatan;

SOALAN NO:19

- b) Memastikan pencari kerja tempatan mematuhi proses dan prosidur yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negara Penerima; dan
- c) Melaporkan pendaftaran, penempatan, dan akuan penerimaan pencari kerja tempatan oleh majikan kepada Jabatan Tenaga Kerja pada setiap suku tahun atau bila-bila masa sekiranya diminta.

9. JTK juga mengadakan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan terhadap APS berlesen dan syarikat/individu yang tidak berlesen secara berterusan bagi memastikan hanya agensi yang mempunyai lesen sah dibenarkan untuk menjalankan perniagaan dan sentiasa mematuhi peruntukan di bawah Akta 246. Dalam hal ini, mana-mana syarikat / individu yang menjalankan aktiviti merekrut tanpa lesen yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan lesen agensi pekerjaan swasta juga boleh digantung atau dibatalkan.

10. Melalui pindaan Akta 246 2017, wang jaminan dikenakan kepada pemegang lesen bagi memastikan setiap pemilik lesen bertanggungjawab dan berupayaan untuk melakukan aktiviti rekrutmen tanpa menganiaya mana-mana pihak. Wang jaminan adalah cagaran untuk membantu pencari kerja, pekerja bukan warganegara dan majikan sekiranya menjadi mangsa kepada

SOALAN NO:19

kegagalan agensi menjalankan tanggungjawab. Di bawah peruntukan seksyen 14D, Akta 246 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menggunakan wang jaminan tersebut bagi menampung kos-kos berkaitan seperti kos penghantaran balik pekerja terkandas.

11. Pihak JTK sedang mengiatkan promosi kepada semua pihak mengenai pindaan Akta 246 serta kesedaran warganegara bekerja hanya melalui agensi pekerjaan yang sah sahaja untuk bekerja di dalam atau di luar negara

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]
TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 20

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah siasatan dibuat apabila terdapat pihak tertentu mengambil kesempatan untuk melaksanakan pelbagai kursus yang memakan belanja besar untuk mendapat poin (CPD).

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat menggalakkan anggotanya untuk menghadiri pelbagai latihan bagi tujuan penambahbaikan kompetensi sedia ada. Ini termasuk menghadiri latihan yang dianjurkan secara dalaman di peringkat KKM sendiri atau oleh pengendali latihan di luar KKM.

Pembangunan Profesional Berterusan/*Continuing Profesional Development* (CPD) merupakan usaha bersepadu bagi membantu anggota profesion kesihatan melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran profesional serta nilai amalan profesional berteraskan pembangunan kompetensi, pembelajaran berterusan dan laluan kerjaya.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah membangunkan sistem myCPD yang boleh digunakan oleh anggota profesion kesihatan awam dan swasta bagi tujuan pemantauan dan perekodan latihan yang telah diikuti. Badan regulatori pengeluar sijil amalan tahunan / *Annual practicing certificate* (APC) menggunakan mata kredit CPD bagi keperluan pembaharuan APC bagi anggota profesion kesihatan berkaitan.

Yang di-Pertua,

Di peringkat KKM, sebarang pelaksanaan latihan secara dalaman adalah tertakluk kepada arahan-arahan kewangan yang berkuatkuasa termasuk dalam menentukan had kos sesuatu kursus / latihan. Sekiranya anggota KKM berminat untuk menghadiri kursus / latihan yang dikendalikan oleh pengendali latihan di luar KKM, pegawai boleh memohon tajaan daripada KKM tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan atau menggunakan peruntukan sendiri. Kesemua permohonan dan proses latihan perlu mendapat kelulusan untuk menjamin kualiti latihan tersebut.

Buat masa ini, di peringkat KKM, penyelia adalah bertanggungjawab untuk menentusahkan kursus/latihan yang dihadiri pemohon bagi mendapatkan mata kredit CPD. Manakala bagi anggota profesion kesihatan swasta, badan regulatori anggota profesion kesihatan tersebut yang akan menentusahkan kursus yang dihadiri.

Penentuan mata kredit CPD adalah berdasarkan garis panduan dari badan regulatori berkaitan tentang keperluan mata kredit yang diperlukan oleh skim perkhidmatan. Contohnya, Bagi skim pegawai perubatan, panduan yang digunakan adalah garis panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia.

Penganjur aktiviti CPD adalah digalakkan untuk berdaftar dengan badan-badan regulatori berkaitan bagi melancarkan penganjuran aktiviti CPD tersebut.

Yang di-Pertua,

Adalah dimaklumkan bahawa telah ada perancangan bersama badan regulatori untuk mewajibkan penganjur kursus berdaftar dengan badan regulatori bagi pelaksanaan aktiviti CPD. Buat masa ini, KKM dan badan regulatori melaksanakan audit atas rekod CPD individu bagi mengelakkan pihak tertentu mengambil kesempatan.

Tujuan audit tersebut adalah untuk memastikan kredibiliti dan integriti program CPD tetap kekal relevan dalam mempertingkatkan kompetensi anggota profesion kesihatan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED@
HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

SOALAN : 21

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan status terkini undang-undang baharu yang akan
diwujudkan untuk mengawal selia pembiayaan politik di Malaysia.**

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah bersetuju dengan cadangan penggubalan suatu rang undang-undang berhubung dengan pembiayaan politik. Bagi tujuan tersebut Kerajaan telah melihat undang-undang berkaitan dana politik negara luar yang bersesuaian untuk dijadikan panduan dan penanda aras di Malaysia. Setakat ini kajian telah dibuat kepada undang-undang negara seperti United Kingdom, Jerman, Amerika Syarikat, Australia, Singapura, Jepun, Korea Selatan, Indonesia, Austria, Chile dan Mexico. Rang undang-undang berkaitan dana politik ini insyaAllah akan hanya dibentangkan setelah kajian mendalam dan terperinci tersebut dibuat dan Kerajaan benar benar berpuashati dengan kajian tersebut dari pelbagai sudut dan perspektif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 14.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 22

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- a) apakah usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian bagi menangani isu penggunaan sijil akademik palsu bagi memelihara integriti sistem pendidikan negara; dan
- b) adakah Kementerian bersedia untuk memperkenalkan peruntukan undang-undang baharu bagi mengawal pemilikan sijil akademik palsu dalam masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan termasuk tindakan bersifat punitif sekiranya terdapat keterlibatan di peringkat pendidikan tinggi. Pemantauan ini dilakukan antaranya bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Kementerian Luar Negeri.

Selain itu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia mencipta sejarah sebagai institusi pendidikan tinggi (IPT) pertama di negara ini yang

SOALAN NO : 22

menggunakan Sistem Pengeluaran dan Pengesahan Universiti (e-Scroll) yang menggunakan teknologi *Blockchain*. Melalui sistem ini, pengesahan dapat dibuat di seluruh dunia dengan pantas dengan mengimbas kod respon pantas atau kod QR yang dicetak pada ijazah berkenaan. Sistem 'e-Scroll' ini turut diguna pakai di Universiti Malaya dan Universiti Teknologi Malaysia. Dengan menggunakan sistem ini, pihak-pihak berkepentingan boleh membuat semakan bagi menentukan kesahihan dan ketulenan sijil tersebut.

Sistem pangkalan data bagi penerima Ijazah Kehormat dan Doktor Falsafah (Ph.D) di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang bergraduasi di dalam negara telah dibangunkan dan boleh diakses di pautan: <https://dohe.moe.gov.my/award/>.

Bagi fasa seterusnya, KPM akan memperluaskan penggunaannya meliputi pemegang kelayakan akademik peringkat sijil, ijazah sarjana muda dan sarjana di IPTA dan IPTS dalam negara dan warganegara Malaysia yang mendapat Ph.D dari institusi di luar negara.

Semua pihak juga boleh merujuk Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR) bagi mendapatkan maklumat tepat mengenai kelayakan akademik daripada program-program pengajian yang telah dinilai dan diberi akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Aspek integriti dan profesionalisme tenaga pengajar akademik di IPTA dan IPTS yang dikawal selia oleh KPM sentiasa dipastikan supaya berada pada tahap piawaian yang telah ditetapkan dan tidak menggunakan kelulusan akademik palsu untuk tujuan mengajar.

- (b) Berhubung dengan sijil, diploma, ijazah atau kelulusan akademik yang palsu, tindakan undang-undang boleh diambil melalui peruntukan undang-undang sedia ada, yang antara lainnya adalah seperti yang berikut:

SOALAN NO : 22

- i. di bawah seksyen 77 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555];
- ii. di bawah seksyen 465 dan seksyen 471 Kanun Keseksaan [Akta 574]; dan
- iii. dalam Perlembagaan Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] di bawah seksyen 53 Jadual Pertama Akta 30.

Sehubungan dengan itu, peruntukan undang-undang sedia ada adalah mencukupi untuk menangani isu penggunaan sijil, diploma, ijazah atau kelulusan akademik yang palsu di negara ini.

Sekian, terima kasih.

RJM 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 14 MAC 2019

SOALAN : 23

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah tambahan yang diambil Kerajaan bagi menghalang ancaman dan kemasukan ideologi pengganas khasnya Timur Tengah dari menular di kalangan rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ancaman atau pengaruh kumpulan pengganas adalah satu realiti dan boleh memberi kesan negatif terhadap keselamatan negara pada masa hadapan sekiranya tidak dibendung di peringkat awal. Untuk itu, usaha memerangi kegiatan militan Daesh merupakan matlamat paling utama dan jelas kepada Kerajaan Malaysia.

Sehubungan itu selain daripada penguatkuasaan undang-undang, pihak polis telah menjalankan beberapa tindakan untuk melindungi keselamatan negara seperti:

1. meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik negara seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, kepentingan negara asing, sasaran-sasaran penting serta pintu-pintu masuk utama di seluruh negara. Kawalan keselamatan ini dijalankan

dengan kerjasama pelbagai agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM);

2. meningkatkan keupayaan dan kepakaran teknologi termasuklah dengan menubuhkan Counter Messaging Centre (CMC) untuk memantau kandungan laman-laman web dan media sosial, mengumpul, mengesan, menyiasat dan mengenalpasti elemen pengganas di media sosial;
3. mempertingkatkan pengumpulan maklumat risikan berhubung aktiviti pengganas yang berpotensi untuk menggugat keselamatan dan kedaulatan negara. Nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperolehi hasil daripada perkongsian maklumat ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak (*Suspect List*) bagi menyekat pergerakan mereka di semua pintu masuk/keluar pemeriksaan Imigresen di seluruh negara; dan
4. tapisan ke atas kemasukan penceramah asing dan kandungan ceramah yang disampaikan bagi memastikan tiada penceramah yang berfahaman radikal dan ekstrem terlepas atau bebas menyampaikan ideologi mereka di negara ini;

Kerajaan dan pasukan keselamatan negara sentiasa memperhalusi perkembangan berkait kegiatan keganasan ini secara berterusan setelah mengambil kira trend ancaman keganasan secara global bagi memastikan negara sentiasa berada dalam keadaan selamat dari sebarang bentuk ancaman.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK AARON AGO DAGANG [KANOWIT]

TARIKH : 14 MAC 2019 (RABU)

SOALAN :

Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan pelan dan strategi Kementerian bagi mengatasi kejatuhan harga komoditi utama negara. Apakah sebenarnya yang menyebabkan kejatuhan teruk harga komoditi ini dan langkah Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara usaha agresif dan proaktif terbaharu Kementerian untuk menstabilkan harga komoditi sawit dan getah adalah dengan meningkatkan permintaan negara-negara pengimport melalui langkah-langkah berikut:

- (i) meningkatkan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum melalui Program Biodiesel B10 yang telah dilaksanakan secara mandatori pada 1 Februari 2019 bagi sektor pengangkutan dan pelaksanaan program B7 bagi sektor industri yang akan bermula pada 1 Julai 2019. Program B10 ini telah memberikan impak positif kepada peningkatan harga minyak sawit dimana seawal Januari 2019 dan Februari 2019 harga purata bulanan minyak sawit meningkat masing-masing kepada RM2,037.00 dan RM2,122.65/tan berbanding Disember 2018 iaitu RM1,794.50/tan;
- (ii) Malaysia telah menandatangani dokumen hasrat pembelian dengan syarikat China bagi mengeksport sebanyak 1.62 juta tan minyak sawit bernilai RM3.64 bilion ke negara republik itu melibatkan empat syarikat Malaysia dan tiga syarikat China. Persetujuan ini adalah susulan lawatan kerja Kementerian ke China untuk meningkatkan pembelian minyak sawit Malaysia pada bulan Ogos tahun lalu;
- (iii) mengukuhkan pasaran di India yang merupakan negara pengimport terbesar sawit dan negara-negara berpotensi seperti Iran, Mesir dan negara-negara Afrika melalui Misi Ekonomi dan Pelaburan yang diketuai oleh YB Timbalan Menteri. Misi ini telah berjaya meyakinkan negara-negara tersebut untuk meningkatkan pembelian minyak sawit negara. Selain itu, langkah Kerajaan India mengurangkan duti import minyak sawit (CPO) daripada 44% kepada 40% serta pengurangan duti import minyak sawit proses daripada 54% kepada 45% juga telah memberi kesan positif kepada industri sawit negara; dan
- (iv) Kementerian juga telah menghadiri Mesyuarat Khas Peringkat Menteri *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) 2019 di Bangkok, Thailand pada 22 Februari 2019. Hasil mesyuarat ini, ketiga-tiga negara iaitu

Malaysia, Indonesia dan Thailand bersetuju bahawa *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) merupakan instrumen yang berkesan untuk mengimbangi stok di pasaran dunia serta dijangka dapat meningkatkan harga getah asli bagi jangka masa pendek. Dalam hal ini, mesyuarat bersetuju pada dasarnya untuk melaksanakan AETS ke-6 bagi menetapkan pengurangan kuota eksport sebanyak 200,000 hingga 300,000 tan. Mesyuarat ITRC pada peringkat pegawai telah menyusuli perkara ini pada 4 dan 5 Mac 2019 di Bangkok, Thailand dan telah menetapkan pengurangan kuota eksport sebanyak 240,000 tan mulai 1 April 2019. Sejak pengumuman AETS ke-6 oleh ITRC, paras harga *Standard Malaysia Rubber 20 (SMR20) Free On Board (FOB)* telah meningkat sebanyak 14.8% dari RM 5.21/kilogram pada 31 Disember 2018 kepada RM5.98/kilogram pada 6 Mac 2019.

Antara punca kejatuhan harga **minyak sawit** adalah seperti berikut:

- (i) lebih bekalan minyak sawit di pasaran tempatan;
- (ii) kejatuhan harga minyak kacang soya (SBO) di pasaran antarabangsa yang merupakan barang pengganti kepada minyak sawit; dan
- (iii) pergerakan nilai mata wang Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika.

Faktor kejatuhan **harga getah** adalah disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (i) ketegangan perdagangan antara China dan Amerika Syarikat yang memberi kesan kepada ketidakpastian pasaran komoditi getah asli, mata wang dan pasaran saham dunia;
- (ii) kelemahan harga getah di pasaran hadapan getah di Tokyo, Shanghai dan Singapura disebabkan stok getah yang tinggi, aktiviti spekulasi yang berlebihan dan kebimbangan mengenai ketegangan perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China; dan
- (iii) pertumbuhan ekonomi China yang perlahan berikutan usaha kerajaan China mengetatkan dasar kewangan dan memfokuskan kepada penggunaan domestik serta impak ketegangan perdagangan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 14 MAC 2019

SOALAN : NO. 25

YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keputusan Kerajaan sama ada ingin meneruskan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) atau membatalkannya dan sekiranya Kerajaan berhasrat meneruskannya berapakah anggaran kos projek berkenaan terkini setelah mendapat persetujuan dari China Communication Construction Group Ltd (CCCC).

**JAWAPAN : YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan masih dalam rundingan dengan kontraktor utama China Communications Construction Company (CCCC) bagi mengurangkan kos Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL); yang bakal menentukan sama ada untuk projek ini akan diteruskan atau sebaliknya.

Pada masa ini, semua kerja-kerja dan perkhidmatan berkaitan projek ECRL masih digantung oleh Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), syarikat khusus di bawah milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan semenjak notis penggantungan dikeluarkan pada 3hb Julai 2018.

Oleh yang demikian, kos terkini projek ECRL akan dimuktamadkan selepas rundingan selesai dijalankan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN B. NAINA
MERICAN
[KEPALA BATAS]
TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 26

Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN B. NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian jumlah keseluruhan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) mengikut amaun (RM1000, RM750 dan RM500). Apakah benar BSH telah diterima hampir 4.1 juta rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Y.B. Kepala Batas pada 14 Mac 2019 dan Y.B. Kuala Krau pada 18 Mac 2019 secara bersekali memandangkan isu yang dibangkitkan adalah hampir sama iaitu jumlah peruntukan dan penerima manfaat Bantuan Sara Hidup (BSH) 2019.

BSH merupakan salah satu bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat, tempoh pendaftaran/pengemaskinian BSH tahun 2019 telah dibuka mulai 1 Februari 2019 hingga 15 Mac 2019. Pendaftaran semula adalah hanya untuk membantu penerima yang layak diberikan BSH. Sehingga 3 Mac 2019, lebih daripada 1.5 juta permohonan BSH 2019 telah diterima merangkumi 310,000 permohonan baharu dan 1.19 juta permohonan kemas kini. Disebabkan tarikh pendaftaran/pengemaskinian BSH 2019 akan berakhir pada 15 Mac 2019, jumlah sebenar permohonan masih belum dikenal pasti. Sepertimana yang diumumkan oleh Kerajaan, BSH 2019 dijangka memanfaatkan lebih daripada 4 juta isi rumah dan melibatkan peruntukan hampir RM5 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan terutamanya golongan B40.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 14 MAC 2019

SOALAN : 27

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jangka masa untuk menyelesaikan isu kewarganegaraan kaum India, seperti yang dijanjikan dalam manifesto Pakatan Harapan dan kesudian Kementerian untuk meminda Akta Kerakyatan untuk memberi kelonggaran kepada kanak-kanak yang lahir di luar perkahwinan (kanak-kanak luar nikah).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sedang melaksanakan tindakan segera terhadap permohonan daripada individu di kalangan kaum India secara berperingkat dan selaras dengan peruntukan perundangan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Setiap permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Kementerian akan diproses dengan teliti dalam memastikan setiap permohonan berkenaan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, tempoh bagi mendapatkan keputusan sesuatu permohonan kewarganegaraan adalah berbeza-beza berdasarkan kes dan tiada tempoh tertentu yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penentuan taraf kewarganegaraan adalah berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa individu sewaktu kelahiran berlaku. Bagi kanak-kanak yang lahir di luar perkahwinan dan bertaraf bukan warganegara, ibu bapa atau penjaga yang sah boleh mengemukakan permohonan untuk kanak-kanak itu memperoleh kewarganegaraan Malaysia melalui pendaftaran, jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan perundangan yang berkaitan dengan pendaftaran perkahwinan, pendaftaran kelahiran, pengangkatan yang sah serta lain-lain perundangan berkuatkuasa.

Kementerian juga telah membuat semakan ke atas isu mengenai Akta Kerakyatan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman, Akta Kerakyatan tidak wujud dan setiap proses permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Kementerian adalah berdasarkan kepada ketetapan dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
[PETRAJAYA]**

TARIKH : 14.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 28

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembukaan kampus universiti-universiti dari Jepun yang pernah diwar-warkan dan adakah sebarang perancangan dari pihak Kementerian untuk mencadangkan Sarawak atau Sabah sebagai salah satu lokasi universiti tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua buah institusi dari Jepun yang memohon untuk membuka cawangan di Malaysia. Sehingga kini status penubuhan kedua-dua institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) cawangan dari Jepun iaitu Nippon Designer College dan University of Tsukuba ini telah pun diluluskan di peringkat Jemaah Menteri pada Januari 2019.

Namun, pemilihan lokasi dan syarat-syarat lain untuk melengkapkan penubuhan IPTS masih dalam peringkat persediaan sepertimana diperuntukan dalam Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Pendaftaran IPTS cawangan dari Jepun ini dijangka dilaksanakan pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN AZMAN BIN ISMAIL
[KUALA KEDAH]
TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 29

Y.B. TUAN AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah sepenuhnya yang dikutip melalui Tabung Harapan. Bagaimanakah dana itu telah dibelanjakan oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, baki akhir setakat 14 Januari 2019 iaitu tarikh akhir penerimaan sumbangan ke dalam Tabung Harapan Malaysia (THM) adalah sebanyak RM202,716,775.10.

Untuk makluman Yang Berhormat juga,

Sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Arahan Amanah THM, semua hasil derma dan sumbangan yang diterima akan digunakan untuk pembayaran hutang Kerajaan Persekutuan dan pembayaran balik yang dibenarkan bagi tujuan akaun amanah ini sahaja dan sehingga kini masih belum ada sebarang pengeluaran dana THM dibuat bagi tujuan tersebut.

Selaras dengan peraturan dan perundangan semasa yang berkuat kuasa agar THM ditadbir secara teratur, telus dan berintegriti, akaun amanah ini kini di peringkat awal pengauditan oleh Jabatan Audit Negara. Sebarang penggunaan dana THM hanya dapat dimaklumkan setelah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Akaun Amanah THM yang bertanggungjawab dalam pengurusan THM selepas pengauditan selesai dilaksanakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG
[LAWAS]
TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 30

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini berhubung dengan projek Hospital Daerah Lawas dan bila akan dimulakan pelaksanaannya dan bila boleh siap.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha menambahbaik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya penduduk Sarawak. Projek Naiktaraf Hospital Lawas (76 katil) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (EPU, MEA) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dengan anggaran kos RM228 juta. Projek ini dilaksanakan secara Tender Terbuka (Pra Kelayakan) oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKRM). Proses perolehan Projek ini sedang dilaksanakan di mana Taklimat Tender dan Lawatan Tapak telah berlangsung pada 26 Februari 2019. Tarikh Jangka Surat Setuju Terima (SST) Projek ini adalah pada Disember 2019 dan dijangka mengambil masa 40 bulan untuk dibina.

Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar. Adalah menjadi aspirasi Kementerian ini agar projek-projek ini disiapkan pada masa, kos dan standard yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 14.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 31

Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pada masa ini masih terdapat ramai pelajar pemegang ijazah atau pun tamat pengajian tinggi di universiti yang tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Mereka mengharapkan kerja yang bersesuaian dengan apa yang mereka pelajari walaupun masih banyak jawatan kosong di negara Malaysia baik dari sektor Kerajaan ataupun swasta yang memerlukan lebih banyak tenaga kerja (*Man Power*) di semua bidang. Apa langkah-langkah Kementerian bagi mengatasi hal ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif demi melahirkan graduan yang kompeten dan boleh bersaing dalam dunia kerjaya yang semakin mencabar. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah *Academia Talent Exchange Programme (Al-xChange):CEO@ Faculty Programme*, di mana pelajar-pelajar didedahkan dengan perkongsian pengalaman dan kemahiran kolaborasi antara akademik dan pihak industri, melalui syarahan dan slot interaksi dengan pelbagai tokoh syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan industri-industri terkemuka antarabangsa serta tempatan. Sehingga kini, program ini telah berjaya mendapat penyertaan seramai 72 orang CEO yang terdiri daripada pelbagai sektor industri.

SOALAN NO : 31

Di samping itu juga, beberapa inisiatif jalinan kolaborasi antara akademik dan industri telah dilaksanakan demi melahirkan graduan yang sesuai dengan pasaran pekerjaan semasa seperti Engineering@UM-Industrial *Innovation Centre*, kerjasama Samsung Malaysia Universiti Teknikal Melaka, kerjasama Ericsson Malaysia dengan Universiti Teknologi Malaysia untuk rantau Asia Tenggara yang juga merupakan pertama seumpamanya di Malaysia dan terletak di kampus UTM Kuala Lumpur dan CIMB Investment Bank dengan kerjasama UiTM Segamat Johor.

Bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan institusi pendidikan tinggi serta memastikan mereka relevan dengan keperluan industri dan pasaran kerja, penglibatan bersama industri dipertingkatkan dalam memberikan nilai tambah serta menawarkan pekerjaan kepada graduan. Inisiatif ini dilaksanakan melalui program *Intergrated Graduate Employability Structured Program* (IGESP) di mana industri dilibatkan secara langsung bagi memastikan pelaksanaan program memenuhi keperluan industri dan mampu menawarkan pekerjaan kepada graduan.

Selain itu, bagi menyokong aspirasi generasi milenial yang cenderung untuk bekerja sendiri, inisiatif *Gig Economy* diperkenalkan untuk membolehkan graduan bekerja sendiri secara *freelancer* berdasarkan kemahiran dan kepakaran yang dipelajari di IPT disamping memperkasakan kerangka *Job Creator Framework* yang membuka ruang kepada kerjaya sebagai usahawan.

Disamping itu, pelajar digalakkan menceburi bidang keusahawanan bagi menghasilkan lebih ramai usahawan dari semasa ke semasa. Antara inisiatif dengan bekerjasama dengan menyertai program-program keusahawanan yang dianjurkan oleh agensi-agensi keusahawanan seperti Malaysia Digital Economy Corporation, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, SME Bank, CIMB Bank dan Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd.

Sekian, terima kasih.

RJM 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI (KLUANG)

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pengesahan dakwaan bahawa kem-kem di Bera, Segamat, Paloh dan Hutan Melintang telah dibina untuk tujuan politik. Jika ya, adakah kegunaan kem-kem tersebut akan diteruskan atau tidak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan sentiasa memberi penekanan terhadap keutuhan pertahanan dan keselamatan negara. Berdasarkan keadaan geo strategik Malaysia, sudah tentu terdapat nilai strategik di segenap penjuru tanah air yang perlu dipertahankan. Oleh itu Pelan Strategik Tentera Darat telah distruktur berdasarkan kepada kawasan tanggungjawab mengikut sektor. Buat masa ini, Kem Bera dan Kem Segamat telah diduduki sepenuhnya.

Manakala pembinaan Kem Paloh telah dihentikan setakat kemajuan projek 55% dan pembinaan Kem Hutan Melintang juga dihentikan setakat kemajuan projek 47.4%. Bagi rancangan hadapan Kem Paloh, Kementerian Pertahanan akan memohon kelulusan kepada Kementerian Kewangan supaya projek diteruskan melalui kaedah landswap tanah di Kinrara, Selangor dengan anggaran kos

bernilai RM280.71 juta. Manakala bagi rancangan hadapan Kem Hutan Melintang, Kementerian Pertahanan akan memohon kepada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) supaya projek diteruskan menggunakan peruntukan *Development Expenditure* (DE) bernilai RM59.55 juta.

Pembinaan kem-kem baru ini juga turut melibatkan pembinaan rumah keluarga baru di mana ianya akan dapat memberikan keselesaan kepada anggota dan keluarga jika dibandingkan dengan kem asal. Malah pembinaan kem-kem baru ini juga akan merangsang peningkatan sosio ekonomi setempat.

Rancangan pembinaan Kem Paloh dan Kem Hutan Melintang telah diputuskan oleh kerajaan sebelum ini. Berdasarkan hasil siasatan oleh Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) pembinaan kem-kem ini didapati melebihi pertimbangan politik berbanding kepentingan kerajaan. Namun demikian, rancangan masa hadapan bagi kedua-dua kem ini akan diteruskan memandangkan sebahagian projek tersebut telah siap dan tentu ianya akan dapat mengelakkan pembaziran. Selain itu, pasukan yang akan menduduki kem-kem ini kelak akan distruktur semula supaya bersesuaian dengan keadaan semasa dan cabaran masa hadapan.

Sama ada ia dibina untuk tujuan politik atau tidak, perkara telah dilaporkan dan dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Biarlah proses siasatan dijalankan dengan telus dan hasil siasatan dapat ditentukan kemudian. Kementerian Pertahanan akan terus menuju ke hadapan dalam merealisasikan hala tuju dan pembangunan mampan angkatannya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]
TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 33

Y.B. DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa ramaikah pencarum KWSP yang telah bertukar kepada caruman syariah dan daripada itu berapa ramaikah pencarum bukan Islam yang telah menukar kepada caruman syariah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 28 Februari 2019, seramai 765,909 ahli KWSP atau 5.36% daripada 14.28 juta ahli KWSP telah memilih Simpanan Syariah sejak pendaftaran Simpanan Syariah dibuka pada 8 Ogos 2016. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 0.53% atau 4,021 ahli KWSP bukan Islam yang telah memilih Simpanan Syariah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHAN MING KAI
[ALOR SETAR]
TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 34

Y.B. TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Bank Islam dan Bank CIMB yang dipegang saham oleh Kerajaan melalui Lembaga Tabung Haji dan Khazanah Nasional Berhad, berapakah peminjam Bumiputera yang telah dilulus dan ditolak pinjaman rumah kos rendah dan rumah mampu milik serta sebab-sebab penolakan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tahun 2018, sebanyak 484,621 permohonan pinjaman perumahan telah diterima oleh institusi perbankan. Kira-kira 24% daripada permohonan tersebut adalah untuk pembelian rumah berharga RM250,000 ke bawah manakala permohonan untuk pembelian rumah berharga RM100,000 ke bawah merangkumi kira-kira 8% daripada jumlah permohonan diterima.
2. Secara keseluruhannya, para pembeli rumah yang layak terus mendapat akses kepada pinjaman perumahan. Kadar kelulusan bagi pinjaman perumahan baharu bagi rumah berharga RM250,000 ke bawah dan RM100,000 ke bawah masing-masing kekal tinggi pada 72% dan 82% (kadar kelulusan pinjaman perumahan keseluruhan adalah 71%). Setakat Disember 2018, bilangan pinjaman baharu bagi rumah berharga RM250,000 ke bawah dan RM100,000 ke bawah yang diluluskan adalah masing-masing sebanyak 83,177 pinjaman dan 32,332 pinjaman.

Yang di-Pertua,

1. Secara amnya, bank hanya menolak permohonan pinjaman perumahan jika peminjam mempunyai tahap pinjaman sedia ada yang tinggi, latar belakang dan pengurusan kredit yang lemah, dan tidak mempunyai dokumen pendapatan yang mencukupi untuk menyokong keupayaan membayar balik pinjaman.
2. Dalam usaha untuk meningkatkan kadar pemilikan rumah di Malaysia, adalah penting untuk memastikan tahap keberhutangan para peminjam berada pada paras yang terkawal dan rakyat tidak dibebani dengan hutang yang berlebihan. Untuk itu, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan Garis Panduan Pemberian Pinjaman yang Bertanggungjawab untuk memelihara kepentingan para peminjam agar mereka meminjam mengikut kemampuan membayar balik pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan. Di samping itu, institusi kewangan juga bertanggungjawab untuk memastikan kemampuan membayar balik peminjam dinilai secara menyeluruh.

3. Kriteria kelayakan untuk membeli rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik perlu berpandukan penilaian kemampuan membayar balik hutang bakal peminjam. Segala obligasi bayaran balik hutang yang sedia ada, sama ada yang diperoleh daripada institusi perbankan dan institusi kewangan bukan bank, perlu diambil kira dalam penilaian kemampuan tersebut.
4. Setiap individu perlu memahami bahawa membeli dan memiliki rumah merupakan komitmen jangka panjang dan obligasi kewangan yang besar. Oleh itu, perancangan kewangan yang teliti dan penampan kewangan yang kukuh terhadap kejadian yang tidak diduga amat diperlukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN
DATO' AZUMU [TAMBUN]**

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 35

YB. Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah strategi jangka masa panjang Kerajaan Pusat dalam membantu negeri yang mengambil usaha melindungi kawasan perlindungan sedia ada dan menambah kawasan perlindungan yang baharu, serta status permohonan penyénaraian Taman Diraja Royal Belum Perak sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini sedang mengkaji beberapa insentif ekonomi untuk membantu Kerajaan Negeri yang mengambil usaha untuk melindungi kawasan perlindungan sedia ada dan menambah kawasan perlindungan yang baharu melalui instrumen *Ecological Fiscal Transfer* (EFT) bersama Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA). Pihak kementerian dengan kerjasama Pihak Berkuasa Negeri melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri telah mengklasifikasikan Hutan Simpanan Kekal mengikut fungsi seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 10, Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]. Semua Jabatan Perhutanan Negeri juga telah diminta untuk meningkatkan keluasan Hutan Simpanan Kekal khususnya melalui pewartaan kawasan-kawasan yang terlibat dalam projek *Central Forest Spine* dan Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Lain yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara sebagai Hutan Perlindungan. Sehingga Disember 2018, seluas 1,825,131 hektar telah dikenalpasti sebagai kawasan Hutan Perlindungan di dalam Hutan Simpanan Kekal.

Selain daripada itu pihak kementerian juga mengadakan penguatkuasaan bersepadu yang melibatkan JPSPM dan agensi penguatkuasaan yang lain bagi memantau dan menguatkuasakan kawasan perlindungan dari diceroboh. Kementerian ini juga mengesyorkan kepada mana-mana Kementerian/Jabatan/agensi penguatkuasaan yang mempunyai bidang

kuasa perundangan bagi tujuan pemuliharaan seperti mana yang dihasratkan oleh Ahli Yang Berhormat supaya dapat mewarta dan melindungi kawasan tersebut mengikut bidang kuasa masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, borang *Tentative List* Taman Negeri Royal Belum Perak telah dihantar ke pihak UNESCO pada 31 Januari 2017 dan telah diperakui penerimaannya oleh *World Heritage Committee* (WHC) yang bersidang pada 02 hingga 12 Julai 2017 di Krakow, Poland. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) sedang menyediakan *dossier* pencalonan Taman Negeri Royal Belum Perak dan dijangka dapat dihantar kepada pihak UNESCO selewat-lewatnya sebelum 31 Januari 2020. Ini termasuk menjalankan kajian dengan kerjasama pakar yang terlibat, mendokumentasikan maklumat, menyediakan Pelan Pengurusan Pemuliharaan (*Conservation Management Plan*) serta Rancangan Kawasan Khas (*Special Area Plan*), bahan-bahan promosi, penerbitan dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]
TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 36

PR-1421-L03673

Dato'Seri Dr. Shahdian bin Kassim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keadaan terkini kapal China Coast Guard yang masih berada berdekatan dengan Beting Patinggi Ali. Apakah usaha Kerajaan untuk mengusir kapal tersebut keluar dari kawasan perairan Malaysia demi kedaulatan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Mengambilkira situasi keselamatan yang boleh timbul di Laut China Selatan, Malaysia secara dasarnya mengambil pendirian untuk menyelesaikan sebarang pertikaian di Laut China Selatan melalui perbincangan, dialog dan rundingan dengan negara-negara menuntut terlibat.
2. Malaysia juga tidak akan mencetuskan sebarang ketegangan dengan mana-mana pihak bagi menjaga hubungan diplomasi antara kedua-dua negara penuntut namun akan mencabar kehadiran kapal China Coast Guard (CCG) apabila perlu.
3. Selain itu, dalam usaha menjaga keselamatan dan kedaulatan negara, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) selaku agensi bertanggungjawab menyelaras mekanisma pengawasan dan pemeliharaan keselamatan di Laut

SOALAN NO. 36

China Selatan telah mengeluarkan dua (2) Arahan Gerakan bagi mempertingkatkan aktiviti kawalan keselamatan serta pemantauan dalam usaha menangani pencerobohan kapal/aset negara asing dalam perairan Pelantar Benua dan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia seperti berikut:

- a) Arahan Gerakan MKN Bil. 01/2011: Peningkatan Aktiviti Rondaan, Pemantauan dan Pengukuhan Tuntutan Kedaulatan Negara di Laut China Selatan; dan
- b) Arahan Gerakan MKN Bil. 3/2013: Pencerobohan Kapal/Aset Negara Asing Dalam Perairan Pelantar Benua Dan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia Di Laut China Selatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 37

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan jenis dan jumlah terkini bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada para peneroka FELDA dan status perumahan generasi kedua FELDA serta jumlah bebanan hutang FELDA yang terpaksa ditanggung oleh para peneroka.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segala bentuk bantuan dan insentif kepada peneroka adalah dilaksanakan oleh pihak FELDA sendiri. Walau bagaimanapun, memandangkan FELDA mengalami aliran tunai yang tenat buat masa ini, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan khas pada tahun 2018 berjumlah RM 77 juta bagi membantu peneroka FELDA. Peruntukan tersebut disediakan bagi membantu Peneroka FELDA melunaskan bayaran-bayaran tertunggak seperti berikut:
 - i. Bayaran khairat kematian berjumlah RM 1.2 juta yang melibatkan waris kepada 120 peneroka yang telah meninggal;
 - ii. Bayaran tertunggak kepada Felda Technoplant Sdn Bhd bagi kerja-kerja operasi pembangunan ladang peneroka sebanyak RM 43 juta; dan
 - iii. Bayaran sara hidup dan pendahuluan hasil tanam semula berjumlah RM 32.8 juta untuk manfaat 38,000 orang peneroka FELDA.
2. Selain daripada insentif-insentif tersebut, FELDA juga menyediakan kemudahan pinjaman kepada peneroka seperti pinjaman sosio ekonomi peneroka tanpa faedah, pinjaman pembangunan kebun peneroka dan pendahuluan baja berjumlah RM 5,575 juta seperti berikut:

Bil.	Jenis Pinjaman	Baki Sehingga 31 Disember 2018 (RM Juta)
1.	Sosio Ekonomi (Pinjaman Pembesaran Rumah, Pinjaman Saham FGV, Skim Insentif Usahawan, Pinjaman Pelajaran Tinggi dan Pinjaman Komputer)	1,050
2.	Pembangunan Kebun (Tanam Semula)	4,394
3.	Pendahuluan Baja	131
	Jumlah	5,575

3. Berkaitan status projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) pula, pelaksanaan pembinaan melibatkan sebanyak 8,314 unit rumah di 38 tapak projek. Sebanyak lapan (8) tapak projek merangkumi 1,498 unit rumah telah disiapkan. 792 unit telah diserahkan kepada peserta, manakala baki sebanyak 706 unit akan diserahkan kepada peserta selepas proses pemilihan yang sedang dibuat selesai. Terdapat 11 tapak projek yang telah terbengkalai semenjak 2016 melibatkan 1,734 unit rumah. Manakala baki 19 tapak lagi melibatkan sebanyak 5,082 unit rumah masih berjalan dengan kemajuan kerja yang perlahan.
4. Pelaksanaan projek ini perlu dibuat penilaian semula kerana kekangan kewangan yang dihadapi oleh FELDA pada masa ini. Tindakan seperti penyusunan semula, pemilihan tapak projek serta penjenamaan semula PGBF perlu diambil supaya isu perumahan generasi ini dapat ditangani sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

14 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 14 MAC 2019

SOALAN : 38

Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengambil sebarang langkah dan inisiatif yang lebih bersistematik untuk membendung masalah pelajar dan remaja bawah umur terlibat dalam pengambilan dadah. Kebelakangan ini amat membimbangkan warga penduduk kampung di Lubok Antu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat Lubok Antu dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri amat memandang serius gejala penyalahgunaan dadah dalam masyarakat dan melaksanakan pelbagai langkah penguatkuasaan dan pencegahan dadah. Bagi menyekat kemasukan dadah ke dalam negara, pelbagai langkah telah diambil oleh Polis Diraja Malaysia seperti berikut:

- i) Memperluaskan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan tempatan dalam berkongsi maklumat risikan bagi melumpuhkan sindiket pengedaran dadah;

- ii) Bekerjasama dengan masyarakat melalui pengkongsian maklumat dengan melaksanakan Program Kepolisan Masyarakat (*Community Policing*). Melalui program ini, platform “*One Stop Committee*” (OSC) digunakan untuk merekodkan maklumat dadah bagi diambil tindakan segera; dan
- iii) Mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ke atas pengedar dadah atau individu yang terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah.

Tindakan-tindakan ini telah berjaya menyekat pengedaran dadah di mana dadah bernilai RM 198.54 juta telah berjaya dirampas pada tahun 2017 dan meningkat pada tahun 2018 dengan nilai rampasan berjumlah RM 394.23 juta. Tindakan khusus yang berfokus kepada golongan pelajar dan remaja sekolah turut diambil melalui program pencegahan dadah yang bersistematik secara berterusan seperti berikut:

- i) Mengadakan ceramah dan pameran berkaitan dadah di sekolah-sekolah bagi memberi pengetahuan dan kesedaran kepada para pelajar berkaitan bahaya dadah;
- ii) Menempatkan pegawai PDRM sebagai pegawai perhubungan sekolah di setiap sekolah bagi memantau para pelajar agar tidak terlibat dengan masalah jenayah termasuklah pengedaran dan penyalahgunaan dadah;
- iii) Melaksanakan Program Sayangi Hidup Elak Derita (SHIELDS) di peringkat Sekolah Menengah bagi meningkatkan kesedaran dan mengupayakan ketahanan diri pelajar dalam lingkungan umur 13 hingga 18 tahun yang dikenal pasti berisiko dalam penyalahgunaan dadah. Pada tahun 2018, sebanyak 167 buah program yang melibatkan 6,680 orang peserta telah dilaksanakan;
- iv) Melaksanakan Program SMART (Sukses, Matang, Aktif, Rasional, Tanggungjawab bagi membimbing dan mendidik belia bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta kesedaran tentang bahaya dadah dan cara hidup yang positif bagi melahirkan belia yang

bebas dadah. Pada tahun 2018, sebanyak 105 buah program yang melibatkan 4,200 orang peserta telah dilaksanakan;

- v) Melaksanakan Program Tomorrow's Leader yang merupakan program berbentuk kesedaran bahaya dan kesan dadah, di kalangan pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi melalui seminar, forum dan ceramah bagi memberi pengetahuan, kesedaran dan kemahiran kepada pelajar universiti mengenai gaya hidup sihat tanpa dadah. Pada tahun 2018, sebanyak 220 buah program yang melibatkan 26,480 orang peserta telah dilaksanakan; dan
- vi) Melaksanakan program kesedaran awam yang lebih agresif menerusi Pelan Media yang menggunakan pelbagai medium agar mesej antidadah dapat disampaikan kepada kumpulan sasar, terutamanya remaja dan pelajar sekolah.

Di kawasan Lubok Antu, berikutan tindakan yang lebih berfokus telah diambil pada tahun 2018, statistik tangkapan pelajar di atas kesalahan menggunakan dan memiliki dadah berlaku peningkatan, iaitu dari seorang pelajar yang ditangkap pada tahun 2017 ke 21 orang pada tahun 2018. Situasi dadah di kawasan ini akan terus dipantau oleh PDRM dan AADK dan tindakan akan diambil secara berterusan bagi membendung gejala ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 14 MAC 2019

SOALAN : Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan akan membentangkan terlebih dahulu maklum balas terhadap rekomendasi Semakan Berkala Sejangat (UPR) yang berlangsung November tahun lalu dalam sidang Dewan Rakyat kali ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia telah menjalani Semakan Berkala Sejagat yang ketiga atau, dengan izin, Third Cycle of Universal Periodic Review (UPR) pada 8 November 2018. Semasa sesi UPR tersebut, sebanyak 108 negara telah mengemukakan sejumlah 268 syor untuk pertimbangan Kerajaan Malaysia.

3. Dalam hal ini, sejurus selesai sesi UPR tersebut pada bulan November yang lalu, Kementerian telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan Kementerian dan Agensi berkaitan bagi membincangkan pendirian Kerajaan terhadap kesemua syor-syor yang dikemukakan. Ini termasuk mesyuarat dengan pemegang taruh yang lain seperti SUHAKAM, serta masyarakat madani seperti MACSA, EMPOWER dan sebagainya.

4. Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, maklum balas Malaysia telah dikemukakan kepada Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (MHAM PBB) pada 6 Februari 2019, memandangkan tarikh akhir bagi mengemukakan pendirian Kerajaan terhadap kesemua syor tersebut ialah pada 8 Februari 2019.

5. Malaysia telah menyokong sebanyak 147 saranan secara mutlak (outright acceptance), 37 saranan disokong secara sebahagian (partial acceptance) dan 84 saranan telah diambil maklum (noted). MHAM PBB dijangka akan memperakukan penerimaan Kerajaan Malaysia ke atas syor-syor berkenaan pada 14 atau 15 Mac 2019.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD
[LIPIS]**

TARIKH SOALAN : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 40

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan usaha mempromosikan dan membangunkan produk-produk usahawan dan IKS Bumiputera di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Pelbagai program telah dilaksanakan dalam usaha untuk mempromosi dan membangunkan produk-produk usahawan dan IKS Bumiputera di kawasan luar bandar oleh Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) antaranya:

A. Program *Showcase* Satu Daerah Satu Industri (SDSI).

Program ini merupakan penganjuran pameran dan jualan yang menghimpunkan produk/ perkhidmatan SDSI yang berkualiti dari seluruh negeri. SDSI yang telah dilaksanakan oleh MED telah berjaya memasarkan produk PKS ke pasaran yang lebih luas melalui sesi pepadanan perniagaan yang telah diadakan dengan syarikat peruncitan tempatan dan pasar raya besar.

Dua siri SDSI telah dilaksanakan untuk tempoh Januari – Februari 2019 iaitu SDSI Perak pada 19-20 Januari 2019 dan SDSI Terengganu pada 15-16 Februari 2019. Nilai potensi jualan sebanyak RM4.4 juta untuk SDSI Perak dan RM6.9 juta untuk SDSI Terengganu telah berjaya direkodkan. Siri SDSI ini akan diteruskan ke negeri-negeri lain bagi membantu mempromosi produk-produk IKS di setiap negeri.

B. Ekspo HALAL Malaysia 2019

Bagi membuka peluang kepada PKS untuk mengeksport produk dan perkhidmatan mereka ke Sukan Olimpik Jepun 2020 dan memasuki pasaran Jepun, Ekspo HALAL Malaysia 2019 telah dianjurkan oleh MED pada 24 hingga 26 Januari 2019. Ia merupakan platform untuk PKS mempamerkan produk dan perkhidmatan halal untuk pasaran serantau dan global. Sepanjang tiga (3) hari acara ini berlangsung, sebanyak 223 sesi pepadanan perniagaan telah direkodkan dengan 144 PKS telah mengambil bahagian yang menjana potensi jualan sebanyak RM135 juta.

2. Selain itu, pelbagai program lain turut dilaksanakan melalui agensi-agensi di bawah MED seperti berikut:

A. Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) oleh SME Corp. Malaysia.

Ia dilaksanakan menerusi bantuan bersepadu dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan pelbagai agensi berkaitan di peringkat Negeri. Bantuan kewangan yang diberi adalah dalam bentuk geran bersamaan.

Sehingga Januari 2019, sejumlah 1,995 kelulusan telah diberikan melibatkan geran berjumlah RM189.26 juta kepada PKS di seluruh negara.

B. Program Memperkasakan Produk Usahawan oleh TEKUN Nasional.

Ia merupakan bantuan pembiayaan kewangan bagi pengembangan perniagaan terutamanya dalam aspek pembangunan produk, pembungkusan dan pelabelan bagi memastikan produk-produk usahawan yang berpotensi dapat diketengahkan dan dipasarkan. Jumlah pembiayaan yang ditawarkan adalah sehingga RM100,000.00

C. Bantuan Pembiayaan dan Khidmat Nasihat oleh SME Bank.

SME Bank menawarkan pelbagai dana dan program kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Peranan yang dimainkan adalah melalui pemberian bantuan pembiayaan dan khidmat nasihat kepada perusahaan industri kecil dan sederhana (IKS) khususnya kepada usahawan Bumiputera.

Sejak 2005, SME Bank telah meluluskan pembiayaan berjumlah kira-kira RM30 bilion kepada lebih 17,000 usahawan. Melalui program *Upward Migration* SME Bank pula, lebih 1,200 usahawan PKS telah berjaya mempertingkatkan perniagaan masing-masing ke tahap yang lebih tinggi. Centre for Entrepreneur Development and Research Sdn. Bhd. (CEDAR), anak syarikat milik penuh SME Bank pula telah berjaya melatih hampir 36,000 usahawan dalam pelbagai program pembangunan PKS.

- D. Program **Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)** untuk membangunkan produk usahawan IKS Bumiputera iaitu:
- i) Program berbentuk “*coaching/mentoring*” selama 4 bulan; dan
 - ii) Kursus latihan teknikal keusahawanan jangka pendek (2H1M) berbentuk *outcome-based*.
- E. **Program Pemangkin Usahawan Sosial Hebat (PUSH)** oleh **Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC)**.
Ia memperkenalkan peluang pembukaan perniagaan francais bagi golongan B40 dan masyarakat luar bandar melalui unit yang dinamakan sebagai *Malaysia's Social Inclusion & Vibrant Entrepreneurship* (MasSIVE) yang bertujuan membangunkan usahawan-usahawan sosial dan memacu impak sosial di dalam negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN
YAAKUB
(MACHANG)

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 32

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pecahan kadar pengangguran bagi setiap negeri dan apakah langkah yang diambil bagi mengurangkan kadar pengangguran di negeri-negeri tersebut selari dengan Iltizam Khusus untuk anak muda di dalam Buku Harapan.

PN-1412- L03096

SOALAN NO: 41

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, statistik kadar pengangguran mengikut negeri pada tahun 2016 dan 2017 adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Kadar pengangguran mengikut negeri, Malaysia, Tahun 2016 dan 2017

(%)

	Tahun 2016	Tahun 2017
Johor	3.6	3.4
Kedah	2.9	2.8
Kelantan	3.8	3.6
Melaka	0.9	1.0
Negeri Sembilan	2.7	2.8
Pahang	2.6	2.9
Pulau Pinang	2.1	2.1
Perak	3.4	3.7
Perlis	2.9	3.5
Selangor	3.2	2.8
Terengganu	4.2	4.5
Sabah	5.4	5.6

SOALAN NO: 41

	Tahun 2016	Tahun 2017
Sarawak	3.3	3.0
W.P. Kuala Lumpur	3.3	3.1
W.P. Labuan	7.8	8.5
W.P Putrajaya	1.7	1.5

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Kementerian Sumber Manusia (KSM), melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu para pencari kerja bagi mendapatkan pekerjaan di negara ini tanpa mengira latar belakang pencari kerja-pencari kerja tersebut dan samada pencari kerja itu adalah seorang lepasan pusat pengajian atau orang yang ingin meningkatkan kerjaya. Antara program yang telah dilaksanakan ialah penganjuran Karnival Pekerjaan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah di seluruh negara yang diadakan sepanjang tahun. Bagi tujuan tersebut juga, jabatan juga meneruskan kerjasama Universiti Awam (UA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) menganjurkan Karnival Pekerjaan tersebut di di seluruh negara bagi memudahkan para bakal graduan, lepasan graduan dan belia untuk dipadankan dengan kekosongan jawatan yang ditawarkan.

SOALAN NO: 41

3. Selanjutnya, KSM telah berkerjasama dengan Kementerian Kewangan melalui agensi yang terlibat turut menganjurkan Program *Job Fair @ UTC*. Pada 2018, penganjuran *JobFair @ UTC 4.0* dan 5.0 yang telah diadakan pada 3 Mac 2018 dan 6 Oktober 2018 yang telah melibatkan UTC negeri di seluruh negara. Melalui program ini, ia telah memberikan impak yang positif dalam menyampaikan perkhidmatan pekerjaan di lapangan dan yang berkualiti kepada rakyat melalui penubuhan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh negara. Kementerian juga telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Pusat Sehenti Perkhidmatan Pekerjaan Kebangsaan di semua UTC negeri di mana Pusat *JobsMalaysia* beroperasi.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Pelbagai program yang bermanfaat dan berfaedah turut dilaksanakan semasa program karnival tersebut berlangsung. Ini termasuk Program Penyesuaian Kerjaya (2PK) di mana beberapa modul yang relevan kepada bakal para pencari kerja dan graduan telah diperkenalkan seperti ujian personaliti, *tips* menghadiri temuduga, penulisan *resume*, pengurusan kewangan dan pembangunan kerjaya.

5. Pada tahun 2018, *JobsMalaysia* telah melakukan sebanyak 3,726,966 pemadanan pekerjaan (*jobs matching*) terhadap 93,171 kekosongan aktif terhadap semua kategori pekerjaan. Daripada usaha ini seramai 168,677 (98.1%) pencari kerja telah berjaya

SOALAN NO: 41

mendapat pekerjaan (*jobs placement*). Daripada jumlah tersebut, seramai 47,073 orang siswazah dan 121,604 orang bukan siswazah telah mendapat pekerjaan.

6. Terdapat 10 aktiviti di dalam Program Penempatan Pekerjaan yang dilaksanakan oleh JTK sepanjang tahun. Pada tahun 2018, penempatan tertinggi adalah melalui aktiviti *client account* iaitu sebanyak 73,018 (43.3%) penempatan. Diikuti dengan aktiviti temuduga terbuka iaitu sebanyak 29,348 (17.4%) dan aktiviti karnival kerja sebanyak 25,098 (14.9%) penempatan pekerjaan.

7. Berdasarkan unjuran kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), pengwujudan sebanyak 1.5 juta peluang pekerjaan baru kategori mahir sebanyak 35 peratus dan separuh mahir sebanyak 58% perlu di manfaatkan oleh pencari kerja warganegara termasuk graduan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI
ABDUL KARIM [BATANG LUPAR]
TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 42

Dato' Sri Hajah Rohani Binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah yang diambil sebagai sebahagian daripada garis masa dua tahun susulan daripada kesimpulan pemerhatian Jawatankuasa CEDAW untuk Kajian 2018. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani empat isu yang dikenalpasti termasuk isu pelarian dan pemohon suaka wanita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah membentangkan Laporan Negara Ketiga, Keempat dan Kelima mengenai status pelaksanaan CEDAW di Geneva, Switzerland pada 20 Februari 2018. Antara lain, laporan yang dibentangkan menjelaskan mengenai kepentingan wanita dalam agenda pembangunan negara serta pencapaian wanita Malaysia dalam pelbagai aspek seperti perundangan, pendidikan, kesihatan, ekonomi dan politik menggunakan perincian data sehingga tahun 2017.

Susulan daripada pembentangan tersebut, Kementerian telah mengadakan sesi *post mortem* dengan Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat untuk merancang dan meneliti cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa CEDAW terutamanya terhadap empat (4) isu utama iaitu penambahbaikan terhadap perundangan sedia ada, *female genital mutilation*, keperluan pelarian dan pemohon suaka wanita, dan isu perkahwinan dan kekeluargaan.

Isu-isu yang dibangkitkan ini turut pernah dibincangkan oleh Kementerian semasa sesi *Universal Periodic Review* di Switzerland pada tahun 2018. Kementerian telah dan akan mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak berkepentingan seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan juga badan bukan kerajaan terhadap cadangan-cadangan penambahbaikan terhadap empat isu itu dan seterusnya menyediakan pelaporan bertulis kepada Jawatankuasa tersebut seperti mana disarankan pada tahun hadapan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]**

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

RUJUKAN : L2 [PR-1421-L03631]

SOALAN NO. 43

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status penjualan Hotel Labuan yang sudah sekian lama terbiar usang ditengah-tengah bandar Labuan yang mana memburukkan pemandangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat Labuan sedia maklum, Tanah PN 11193 Lot 30356 atau Tanah Hotel Labuan merupakan tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dengan keluasan 4,812 meter persegi dan menjadi tapak hotel yang terbiar sejak tahun 1997.

Pada 5 Ogos 2015, Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan penjualan tapak tanah tersebut kepada Pembangunan Zamanilai Sdn. Bhd. dengan nilai sebanyak RM14 juta secara konsep *as is where is basis* dan balasan diterima oleh Kerajaan akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Walau bagaimanapun, urusan penjualan tapak tanah tersebut gagal mencapai kata sepakat antara pihak Kerajaan dan syarikat berkenaan. Seinggalah pada 21 November 2018, syarikat telah memaklumkan secara bertulis untuk tidak meneruskan urusan penjualan tapak tanah tersebut.

Saya difahamkan pada masa ini, pihak Kementerian Kewangan sedang menyediakan memorandum untuk memperoleh kelulusan Jemaah Menteri supaya tidak meneruskan urusan niaga dengan syarikat tersebut dan berhasrat untuk melupuskan tapak tanah berkenaan secara kaedah tender terbuka.

Pada masa yang sama, Kementerian Wilayah Persekutuan berhasrat untuk mencadangkan hala tuju pembangunan di atas tapak tanah Hotel Labuan melalui kaedah pajakan kepada Perbadanan Labuan dan meneliti rangka pembangunan baharu di atas tapak tanah berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 44

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bilakah wang royalti minyak akan dibayar kepada Negeri Kelantan sepertimana yang dijanjikan dalam Manifesto Pakatan Harapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengemukakan saman terhadap Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) berhubung tuntutan royalti minyak di Mahkamah Tinggi pada 2011. Walau bagaimanapun, pada Oktober 2018 kerajaan negeri telah menyatakan hasrat untuk menarik balik saman tersebut.
2. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) menyambut baik hasrat Kerajaan Negeri Kelantan tersebut. YAB Perdana Menteri juga telah menyatakan persetujuan agar pembayaran royalti minyak terus kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Kerajaan Persekutuan akan membayar royalti minyak kepada Kelantan selepas urusan berkaitan prosiding penarikan balik saman terhadap PETRONAS dan Kerajaan selesai.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
14 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI ANAK BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 14 MAC 2019

SOALAN : 45

Tuan Mordi Anak Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara jelas adakah Kementerian akan mengadakan sebuah jawatankuasa khas di setiap negeri bagi menangani masalah status kewarganegaraan yang sudah lama menunggu kelulusan dan permohonan yang semakin bertambah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan pengwujudan jawatankuasa khas di setiap negeri seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, buat masa ini tiada keperluan untuk mewujudkan jawatankuasa berasingan mengikut negeri bagi menyelesaikan isu permohonan kewarganegaraan kerana permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan diproses oleh Kementerian adalah di bawah bidang kuasa pertimbangan Kerajaan Persekutuan seperti yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 46

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah status Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian dan bilakah ianya akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) dilaksanakan secara berfasa. PRAB Fasa 1 yang melibatkan 3 lembangan sungai iaitu Lembangan Sungai Kelantan, Lembangan Sungai Terengganu dan Lembangan Sungai Pahang telah tamat diuji jalan sepenuhnya pada Disember 2018. Fasa 1 ini akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2019. Bagi PRAB Fasa 2 yang merupakan kesinambungan daripada PRAB Fasa 1, ia akan melibatkan 38 lembangan sungai. Fasa 2 ini masih di peringkat perancangan dan reka bentuk. Keseluruhan program ini di jangka akan siap dilaksanakan dalam RMKe-12.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]
TARIKH : 14.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 47

Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan isu berkaitan pengurangan pekerja am di sekolah-sekolah bermula Januari 2019 dan rasionalnya tindakan ini terhadap usaha pihak Kementerian sendiri dalam mengurangkan kerja perkeranian guru-guru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin terhadap beban tugas guru dan sentiasa mencari kaedah terbaik bagi mengatasi isu beban tugas guru di sekolah termasuk yang melibatkan kerja-kerja perkeranian.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, perjawatan Pembantu Am di sekolah telah dijumlahkan pada tahun 2013. Selain guru, perjawatan lain yang sedia ada di sekolah adalah Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP). Pengisian AKP di sekolah adalah berdasarkan kepada bilangan perjawatan yang diluluskan.

NO. SOALAN : 47

Walau bagaimanapun, bagi melaksanakan kerja-kerja seperti membersihkan kawasan persekitaran sekolah yang dahulunya menjadi sebahagian daripada tugas Pembantu Am, telah diambil alih oleh syarikat swasta yang dilantik oleh KPM. Kerja-kerja tersebut termasuklah menjaga kebersihan tandas dan lain-lain kerja berkaitan kebersihan bangunan dan kawasan berdasarkan skop dan spesifikasi yang dinyatakan dalam dokumen perjanjian. Pekerja tersebut adalah mereka yang bekerja dengan syarikat swasta yang dilantik.

Syarikat swasta tersebut dilantik melalui perolehan secara tender terbuka bagi perolehan kontrak Kebersihan Bangunan dan Kawasan Sekolah (KBK). Justeru, guru-guru di sekolah tidak terlibat secara langsung dengan pekerja KBK di sekolah dan ini tidak memberi kesan kepada beban dan tugas guru terutamanya melibatkan kerja-kerja perkeranian.

Sekian, terima kasih

RJM 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN MOHAMED
SAID [KUALA KRAU]**

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 48

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN MOHAMED SAID [KUALA KRAU]

minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan status
terkini perjanjian Penyaluran Air Mentah Pahang Selangor (PAMPS).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Penyaluran Air Mentah Pahang ke Selangor (PPAMPS) dibina bagi menyalurkan air mentah berjumlah 1890 juta liter sehari (JLH) daripada Pahang ke Selangor. Perjanjian jual beli air mentah di antara Pahang dan Selangor telah dimeterai pada 22 November 2007, di mana Selangor akan membayar kepada Pahang sebanyak RM0.10 bagi setiap meter padu air mentah yang dibekalkan. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 3 Mac 2015.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI
BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 49

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah terkini pelajar Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (Kejururawatan) yang bakal menamatkan latihan pada 2019.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Jumlah Pelatih Graduan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (Kejururawatan) yang bakal tamat latihan bagi Latihan Separa Perubatan Anggota Sains Kesihatan Bersekutu tahun 2019 adalah seramai 660 orang bagi keluaran bulan Jun. Manakala keluaran bulan Disember adalah seramai 457. Jumlah keseluruhan Graduan Kejururawatan yang bakal tamat latihan adalah seramai 1,117 bagi tahun 2019.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN
TUANKU JAAFAR [SANTUBONG]**

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN : 50

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai undang-undang yang menghakis kuasa negeri Sarawak untuk memindahkan kuasa dari Senarai Kuasa Bersama (*Concurrent List*) di bawah Perlembagaan Malaysia ke Putrajaya tanpa mengikut syarat syarat Perlembagaan. Bila undang-undang ini akan dipinda untuk mengembalikan hak-hak Sarawak di bawah undang-undang tersebut. Kalau belum siap kenapa dan bila dijangka siap kajian.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) Untuk menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 telah mengadakan mesyuaratnya yang pertama pada 17 Disember 2018 dan berikutnya pada 5 Mac 2019. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri tersebut turut dihadiri oleh YAB Ketua Menteri Sabah dan Sarawak serta ahli-ahli yang terdiri daripada Menteri-Menteri Kabinet, pegawai-pegawai kanan di peringkat Persekutuan dan Sabah Sarawak. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jawatankuasa Khas Kabinet ini mensasarkan untuk melengkapkan proses semakan ini dalam tempoh 6 bulan, yang dijangka berakhir pada penghujung bulan Mei atau Jun 2019 ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setakat ini, senarai isu-isu yang telah dibentangkan oleh Kerajaan Sabah dan Sarawak sedang diperhalusi dan diteliti oleh Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kerja yang telah ditubuhkan. Hasil kajian jawatankuasa kerja seterusnya akan disemak dan diperakukan di peringkat Jawatankuasa Teknikal sebelum ia dibawa kepada peringkat Pemandu untuk diputuskan secara konsensus di antara Kerajaan Persekutuan bersama dengan Kerajaan Sabah dan Sarawak. Berhubung dengan isu mengenai kajian undang-undang pula, terdapat Jawatankuasa Perundangan yang diterajui oleh YBrs. Tuan Peguam Negara dan turut disertai oleh Peguam Besar Sabah dan Peguam Besar Sarawak bagi meneliti aspek teknikal perundangan

NO. SOALAN : 50

yang berbangkit dalam dalam proses semakin pelaksanaan perjanjian Malaysia 1963 ini.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 51

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan menjelaskan perancangan dan khususnya langkah-langkah segera yang telah diambil bagi menangani isu penambahan import barangan makanan yang trendnya didapati meningkat dari RM42.6 bilion dalam tahun 2014 kepada RM51.3 bilion pada tahun 2017 sepertimana dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah dalam mengurangkan import dan meningkatkan eksport bagi menangani defisit imbalan dagangan bahan makanan sememangnya menjadi tumpuan utama Kerajaan. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Hala Tuju MOA: Prioriti & Strategi 2019-2020 yang telah dilancarkan pada 14 Februari 2019 lalu, telah menggariskan beberapa langkah strategik ke arah menangani defisit ini.

Hala Tuju 1 dalam tempoh dua tahun tersebut bermatlamat untuk memoden dan meningkatkan pengeluaran pertanian bagi menjamin kestabilan bekalan dan harga makanan negara. Penekanan diberikan kepada subsektor padi, ruminan dan perikanan bagi tujuan eksport dan penggantian import.

Antara **langkah-langkah** yang telah dilaksanakan dan akan diteruskan oleh Kerajaan **bagi menangani isu penambahan import barangan makanan** adalah:

- i. Melaksanakan pembangunan empat kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baharu. Dengan pembukaan empat kawasan baharu ini beserta inisiatif-inisiatif lain seperti penggunaan varieti padi sah baharu yang berhasil tinggi dan rintang penyakit, hasil pengeluaran padi negara dijangka akan meningkat sehingga ke tahap sara diri (SSL) sebanyak 80 peratus pada tahun 2020 dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada import beras;
- ii. Meningkatkan populasi ternakan ruminan melalui pelaksanaan Projek Ladang Satelit dan Taman Kekal Pengeluaran Ruminan. Kerajaan juga sedang melaksanakan sebanyak lima Lembah Tenusu dengan mensasarkan tambahan susu segar sebanyak 20 juta liter dalam tempoh lima tahun; dan

- iii. Melaksanakan pelbagai projek agromakanan yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi seperti akuakultur, rumpai laut dan sarang burung walit, mempergiatkan Program Agropreneur Muda dan membangunkan industri jagung bijian bagi menangani kebergantungan import bahan makanan untuk ternakan.

Berdasarkan statistik awalan, jumlah keseluruhan import bahan makanan pada tahun 2018 mencatatkan penurunan sebanyak 4.6% iaitu sebanyak RM18.7 bilion berbanding RM19.6 bilion pada tahun sebelumnya.

Sebagai sebuah negara ekonomi terbuka, perdagangan bahan pertanian dan bahan makanan akan terus memainkan peranan penting bagi pertumbuhan ekonomi negara. Sebahagian bahan makanan import masih perlu diimport bagi mengatasi kekurangan pengeluaran tempatan dan memenuhi permintaan terutamanya industri pemprosesan yang sebahagiannya dieksport semula sebagai produk sektor perindustrian. Perubahan keperluan pemakanan penduduk juga memberi kesan kepada pertumbuhan import bahan makanan. Selain itu, pengimportan bahan makanan turut melibatkan bahan makanan yang tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara seperti buah-buahan dan sayur-sayuran iklim sederhana (*temperate*), gandum, gula dan sediaan gula.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 52

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebab mengapa tidak ada seorang pun wakil daripada masyarakat Orang Asli dalam senarai 11 orang yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pelawat Hospital Orang Asli di Hospital Orang Asli Batu 12, Gombak. Di manakah peranan dan fungsi institusi ini ke arah kesejahteraan masyarakat Orang Asli jika pihak Kementerian tidak melantik wakil dalam kalangan masyarakat Orang Asli itu sendiri.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman, bilangan Ahli Lembaga Pelawat Hospital (ALPH) yang ditetapkan untuk sebuah hospital adalah seramai 15 orang. Dalam hal ini KKM masih dalam proses melaksanakan pelantikan (ALPH) bagi hospital-hospital KKM di seluruh negara mulai Januari 2019. Bagi Hospital Orang Asli Batu 12, Gombak, pelantikan peringkat pertama telah dilaksanakan iaitu sejumlah 11 orang ahli yang mana masih belum mencapai kuota maksima ALPH iaitu sebanyak 15 orang ahli. Sehubungan itu masih terdapat empat (4) kekosongan yang telah dikhaskan untuk calon daripada kalangan masyarakat Orang Asli. Pada masa ini, KKM sedang mengenal pasti calon-calon yang layak daripada masyarakat Orang Asli untuk dilantik sebagai ALPH di Hospital Orang Asli Batu 12.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 14.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 53

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan sekolah agama rakyat dan sekolah tahfiz yang berdaftar dengan Kementerian dan jumlah peruntukan yang bakal disalurkan pada 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Tahfiz yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) didaftarkan dan dikenali sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Sehingga kini, jumlah SABK yang telah berdaftar adalah sebanyak 221 buah sekolah meliputi 180 sekolah menengah dan 41 sekolah rendah.

Berdasarkan pembentangan bajet 2019 di Parlimen, sebanyak RM50 juta telah diperuntukan oleh Kerajaan untuk disalurkan kepada SABK. Peruntukan ini disalurkan melalui Peruntukan Tabung Khas (PPKhas) Tahun 2019.

Selain daripada itu, bagi tahun 2019 juga, Kerajaan telah meluluskan peruntukan khusus berjumlah RM25 juta bagi penyelenggaraan dan pembaikan Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Persendirian. Peruntukan ini adalah kali pertama diluluskan oleh Kerajaan Pusat yang memperlihatkan komitmen Kerajaan membantu sekolah-sekolah agama rakyat dan persendirian secara inklusif.

Sekian, terima kasih.

RJM 24

NO. SOALAN : 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]
TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 54

Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian masih berniat untuk memperkenalkan perintah berkurung ('curfew') terhadap remaja di bawah umur 18 tahun dan sekiranya ya, apakah asas-asas dan kajian terperinci yang telah dijalankan bagi menyokong cadangan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk menetapkan larangan keluar malam atau perintah berkurung bagi kanak-kanak dan remaja bawah 18 tahun pada waktu malam.

Bagi menangani isu kanak-kanak dalam kes jenayah ini secara efektif, Kerajaan sedang meneliti kemungkinan untuk melaksanakan dengan izin, program *diversion* dalam masa terdekat. Program ini merupakan program pengalihan kanak-kanak yang telah melakukan jenayah daripada sistem keadilan sedia ada bagi tujuan melaksanakan pemulihan dan pengintegrasian semula kanak-kanak tersebut ke dalam komuniti untuk memberikan keinsafan dan memastikan kanak-kanak tersebut tidak mengulangi kesalahan yang sama.

Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa dan pemimpin tempatan untuk memainkan peranan dalam memastikan atau sama-sama menegur anak-anak kita yang terdiri daripada remaja di bawah umur ini supaya tidak terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat pada semua waktu termasuk pada waktu malam. Peranan dan tanggungjawab ini juga boleh dilaksanakan melalui penguatkuasaan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT), pihak polis atau komuniti dalam memastikan aktiviti-aktiviti tidak sihat ini tidak dilakukan secara berleluasa oleh para remaja.

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan isu remaja berpelesiran ini merupakan isu sosial, saya ingin menyeru Ahli-Ahli Yang Berhormat agar dapat melihat perkara ini dengan lebih dekat dan digalakkan untuk menganjurkan program-program berfaedah bukan sahaja kepada remaja malah kepada ahli keluarga dan komuniti seperti pemerikasaan ilmu kekeluargaan dengan melibatkan penyertaan ibu bapa dan anak-anak mereka supaya kita dapat memastikan para remaja di kawasan kita tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 14 MAC 2019

SOALAN : 55

**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan perancangan pihak Kementerian untuk
membanteras gejala pengedaran dan penyalahgunaan dadah di Sungai
Asap, Pekan Belaga dan Bandar Kapit.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat Hulu Rajang dan Dewan yang
mulia ini, Kementerian Dalam Negeri amat memandang serius gejala
penyalahgunaan dadah dan telah melaksanakan pelbagai langkah
pencegahan, pemulihan serta meningkatkan usaha penguatkuasaan
untuk membanteras kegiatan pengedaran dan penagihan dadah di
seluruh negara termasuk di negeri Sarawak.

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM)
sentiasa mengambil pendekatan yang holistik dalam usaha membanteras
pengedaran dan penyalahgunaan dadah termasuklah kawasan Sungai
Asap, Pekan Belaga dan Bandar Kapit Sarawak seperti berikut:

- i) Bekerjasama dengan masyarakat melalui pengkongsian maklumat dengan melaksanakan Program Kepolisian Masyarakat (*Community Policing*). Melalui program ini, platform *One Stop Committee* (OSC) digunakan untuk merekodkan maklumat dadah supaya tindakan segera dapat diambil;
- ii) Meningkatkan kerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan, swasta, Pejabat Daerah, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), Persatuan Penduduk, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan masyarakat dalam pengkongsian maklumat serta operasi bersama; dan
- iii) Menjalankan operasi Ops Sarang bagi membanteras kegiatan penagihan dan penyalahgunaan dadah sekaligus menutup sarang-sarang penagih di sekitar Sungai Asap, Pekan Belaga dan Bandar Kapit.
- iv) Operasi berterusan turut dibuat bagi mengesan aktiviti pengedaran dadah. Pada tahun 2018, sebanyak 19 operasi telah dijalankan di daerah Belaga termasuk Sungai Asap, dengan tangkapan seramai 9 orang atas kesalahan pemilikan dan bekalan dadah manakala di Bandar Kapit, sebanyak 118 operasi telah dilaksanakan dengan jumlah tangkapan seramai 12 orang atas kesalahan pemilikan dadah.

Kementerian melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) juga memberi fokus kepada aktiviti pendidikan pencegahan dadah, rawatan dan pemulihan dadah serta penguatkuasaan terhadap penagih dadah. Di Sarawak, khususnya Sungai Asap, Pekan Belaga dan Bandar Kapit, AADK menumpukan pelaksanaan program seperti berikut:

- i. Di kawasan Sungai Asap, Bintulu, sebanyak 10 program pendidikan pencegahan dadah telah dilaksanakan pada tahun 2018. Program intervensi kepada pelajar yang didapati positif ujian air kencing juga dijalankan bersama Unit Bimbingan dan Kaunseling SMK Bakun. AADK mempunyai kerjasama yang erat dengan pihak SMK Bakun,

di mana SMK Bakun mengambil inisiatif untuk berhubung dengan ibu bapa dan penjaga kepada pelajar yang menyalahguna dadah untuk merujuk pelajar tersebut ke AADK bagi tujuan mendapatkan rawatan di *Cure & Care Service Centre* Daerah Miri;

- ii. Program *Omnipresence* dan *Walking Message* juga dilaksanakan di kawasan Sungai Asap yang meliputi pasar kecil Sungai Asap. Aktiviti yang dilaksanakan ialah mengedarkan phamplet kesedaran antidadah dan menyampaikan pesanan kepada masyarakat setempat berkenaan fungsi dan peranan AADK;
- iii. Di Bahagian Bintulu pula program-program antidadah dilaksanakan di SMK Belaga, Murum, SMK Bakun, Rumah Melikie Ulu Sebauh, Rumah Panjang Yus Ulu Sebauh dan Sk Tsiang; dan
- iv. Di Bahagian Sibu, program-program pencegahan dan penguatkuasaan telah dilaksanakan di pelbagai kawasan pedalaman seperti Song, Kapit, Selangau, Kampung Penasu Bruit, Bawang Assan, SK Nanga Machan Kanowit, SMK SEDAYA Kanowit, Kampung Muhibah Kanowit, SK Pelagus Kapit, Sungai Tuah Kanowit, Sungai Paloh Selangau, Sebintek Selangau, Sungai Sengan Sibu, SMK Selirik Kapit, SK Nanga Ngungun Kanowit.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

TARIKH : 14 MAC 2019

SOALAN : 56

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status pembukaan semula kes Teoh Beng Hock seperti yang diumumkan sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengambil maklum hasil keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 20 Jun 2018 supaya siasatan kes kematian Teoh Beng Hock dibuka semula. Pihak polis telah menerima arahan daripada Jabatan Peguam Negara dan telah mengambil tindakan merakam percakapan 3 orang saksi awam dan seorang saksi pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Siasatan masih diteruskan dan kertas siasatan akan dimajukan kepada Timbalan Pendakwaraya setelah semua arahan yang diberikan diambil tindakan dalam tempoh yang terdekat ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
[BELURAN]**

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 57

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan kedudukan ekonomi semasa negara dan sejauh mana pewujudan Majlis Tindakan Ekonomi (MTE) mampu membangunkan ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, purata pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 2018 menyederhana pada 4.7% iaitu masih dalam lingkungan kadar pertumbuhan yang disasarkan. Prestasi ekonomi yang menyederhana ini disebabkan terutamanya oleh kejutan penawaran dalam sektor berkaitan komoditi. Bagi sektor perlombongan (iaitu minyak dan gas) pengeluaran telah terjejas ekoran penutupan loji pengeluaran di Sabah dan Sarawak bagi tujuan penyenggaraan. Manakala, pengeluaran dalam sektor pertanian pula terutamanya getah dan kelapa sawit telah terganggu akibat keadaan cuaca yang buruk.
2. Walau bagaimanapun, sektor ekonomi utama yang lain mencatatkan pertumbuhan positif dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi negara. Pada masa yang sama, pertumbuhan ekonomi negara disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang terus berkembang sebanyak 7.2% (iaitu pertumbuhan bagi penggunaan swasta sebanyak 8.1% dan pelaburan swasta sebanyak 4.5%) serta pertumbuhan eksport bersih yang kembali mencatatkan pertumbuhan positif. Kadar inflasi pula kekal rendah pada kadar 1.0% pada tahun 2018 dan pasaran buruh masih berada pada tahap gunatenaga penuh, di mana kadar pengangguran kekal stabil pada kadar 3.3% bagi suku keempat 2018. Walaupun ekonomi menunjukkan prestasi yang baik, namun Kerajaan sedar bahawa terdapat banyak isu-isu sosioekonomi yang memberi tekanan kepada rakyat termasuklah isu-isu berkaitan kos sara hidup, guna tenaga, kemiskinan dan pemilikan rumah.
3. Menyedari hal ini dan dalam usaha merancakkan lagi ekonomi negara, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) pada 11 Februari 2019. Tujuan penubuhan EAC adalah bagi meneliti dan menangani isu berkaitan hal ehwal ekonomi dan

kewangan serta kebajikan rakyat. Matlamat utama EAC adalah untuk merancang dan merangsang pertumbuhan ekonomi, memastikan pengagihan kekayaan yang saksama dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat. Selain itu, EAC bersifat *action-oriented* dengan menyahut dan bertindak dengan pantas ke atas maklum balas rakyat terhadap masalah yang mereka hadapi, khususnya dalam hal-hal berkaitan ekonomi. Ahli-ahli EAC dari pelbagai latar belakang, kemahiran dan pengalaman dijangka akan membawa perspektif alternatif dalam menyelesaikan isu-isu semasa rakyat. Di samping itu, EAC akan disokong oleh Jawatankuasa Eksekutif dan kumpulan-kumpulan kerja berkaitan. Sesi libat urus akan diadakan dan input dari semua pihak yang berkaitan juga akan diperolehi bagi membantu EAC untuk menggubal strategi dan pelan tindakan yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
14 Mac 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

DARIPADA : Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]

SOALAN : 58

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penilaian ke atas prestasi anggota-anggota Kabinetnya sekarang dibuat daripada segi kecekapan dan kemajuan bertugas.

JAWAPAN: **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Pengukuran dan Pemantauan Indikator Prestasi YB Menteri-menteri atau dikenali sebagai Minister's Performance Indicator (MPI) telah pun diwujudkan bermula pada 16 September 2018 dan telah dibentangkan dan mendapat persetujuan daripada YAB Perdana Menteri Pada 28 November 2018.
2. Skop pengukuran dan pemberat bagi mekanisme Pengukuran dan Pemantauan Indikator Prestasi YB Menteri-menteri dibahagikan kepada lima (5) seksyen:
 - i) Seksyen A - berkaitan Tanggungjawab Bersama Menteri dengan menjadikan indikator kepada prestasi negara berkaitan pertumbuhan ekonomi mampan dan berdaya saing. Pemberat adalah sebanyak 5%;
 - ii) Seksyen B - berkaitan Tanggungjawab Bersama KSU di mana indikator KPI Tier 1 (KPI Tier 1 ini telah diperkenalkan sejak tahun 2008) akan menyumbang kepada prestasi YB Menteri. Pemberat adalah sebanyak 10%;

- iii) Seksyen C – berkaitan akauntabiliti dan Tadbir Urus. Pemberat adalah sebanyak 10%;
- iv) Seksyen D - mengukur Pencapaian Perkhidmatan Teras yang menyumbang pemberat sebanyak 50%. Semua Pencapaian Perkhidmatan Teras yang ditetapkan mestilah diujarkan kepada Kajian Separuh Penggal RMKe-11; dan
- v) Seksyen E – melibatkan YAB PM membuat penilaian kepimpinan ke atas YB Menteri serta penilaian dari segi Persepsi Awam terhadap YB Menteri dan Kementerian. Pemberat adalah sebanyak 20%.

3. Bagi memastikan kejayaan mekanisme pengukuran dan pemantauan indikator prestasi YB Menteri-menteri, sistem pelaporan terhadap status pencapaian terhadap sasaran indikator YB Menteri-menteri telah diwujudkan iaitu melalui Jawatankuasa Induk MPI dan Jawatankuasa Kerja MPI yang masing-masing dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Seri Ketua Setiausaha Negara dan Ketua-ketua Setiausaha setiap Kementerian. Terbaharu, pada 7 Mac 2019 Mesyuarat Jawatankuasa Induk MPI Bil.1/2019 telah dilaksanakan bagi memuktamadkan sasaran indikator YB Menteri-menteri bagi tahun 2019.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED
SADIQUE [KOTA TINGGI]
TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 59

Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tindakan Kementerian dalam mengupayakan dan memperkasakan ibu-ibu tunggal dalam bidang tenaga kerja bagi membantu mereka menanggung dan menguruskan kehidupan keluarga mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah mengambil inisiatif melaksanakan **Program Peningkatan Kapasiti Wanita** menggunakan konsep ***Community Based Enterprise (CBE)*** bagi **memperkasa wanita berpendapatan rendah, ibu-ibu tunggal dan suri rumah**. Program dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN).

CBE adalah satu bentuk pendekatan keusahawanan berkonsepkan kerjasama antara usahawan-usahawan di bawah PPWN, ataupun individu berkemahiran yang telah berjaya dalam bidang masing-masing, untuk memberikan latihan serta berkongsi ilmu bagi membantu peserta wanita termasuk ibu tunggal menjana pendapatan. Antara bidang kemahiran yang ditawarkan adalah seperti jahitan dan sulaman, mobile Spa, solekan pengantin, Kraf Kreatif, pembuatan kuih dan kek, urutan *Post Natal*, dan penanaman kulat sisir. Pada tahun 2018, sebanyak 648 program telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 10,201 orang peserta yang mana 2,500 orang daripadanya adalah ibu tunggal.

Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) juga telah melaksanakan program MamaCare yang bertujuan membantu wanita warga emas, ibu tunggal dan wanita yang layak daripada golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) menambah pendapatan keluarga melalui latihan kapasiti MamaCare. Objektif program ini adalah untuk memberi khidmat penjagaan selepas bersalin yang selamat secara tradisional dan moden termasuk ilmu keibubapaan.

Selain itu, Kerajaan melalui agensi lain juga menyediakan peluang kepada wanita termasuk ibu tunggal untuk menceburkan diri dalam bidang pekerjaan seperti bidang keusahawanan. Antaranya adalah melalui program AIM iaitu pembiayaan mikro kredit yang digunakan untuk membiayai kegiatan ekonomi untuk menambah pendapatan, program DanaNita MARA,

SOALAN NO. 59

pembiayaan dana MySMELady di bawah SME Bank, dan juga program *Women Netpreneur* yang dilaksanakan dengan kerjasama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Gorgeous Geeks (badan NGO) dan enam penyedia platform eCommerce iaitu Shopee, 11street, Lelong, Facebook, Buy Malaysia (MPay) dan Global Halal Data Pool. Siri latihan digital komprehensif ini merangkumi pengenalan kepada teknologi dan platform eCommerce yang terdapat di pasaran, latihan praktikal bagi penyediaan platform eCommerce dan teknik menjual secara dalam talian.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga telah melaksanakan 14 program keusahawanan melalui latihan kemahiran bagi usahawan baru, pameran untuk usahawan luar bandar serta pembangunan usahawan atas talian. Sehingga 28 Februari 2019, seramai 740 usahawan luar bandar telah menyertai platform perniagaan atas talian dan 80% daripada peserta adalah wanita.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH (PASIR PUTIH)**

TARIKH : 14 MAC 2019

SOALAN : NO. 60

DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan yang lebih jelas terhadap penubuhan Majlis Tindakan Negeri Kelantan dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dalam memastikan rakyat parlimen Pasir Puteh mendapat manfaat yang lebih besar khususnya sebagai penghubung antara dua negeri (Terengganu dan Kelantan) serta menjadi laluan utama Pantai Timur ke Utara.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Tindakan Negeri (MTNg) ditubuhkan berdasarkan Arahan No.1, 2018 Jentera Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri yang telah pun diluluskan pada 31 Oktober 2018. MTNg merupakan platform utama di peringkat negeri bagi menentukan strategi, menetapkan keputusan dasar serta menilai keberkesanan penyelarasan perancangan, pemantauan dan pelaksanaan program/projek pembangunan serta inisiatif semasa Kerajaan Persekutuan.

Bagi MTNg Kelantan, YAB Perdana Menteri telah pun melantik YB Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi sebagai Pengerusi dan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (ICU JPM) sebagai Urus Setia mesyuarat. MTNg Kelantan akan memberikan tumpuan sepenuhnya kepada hal-hal berkaitan dengan pembangunan Negeri Kelantan dan rakyatnya. Peranan Majlis ini membuktikan komitmen Kerajaan Persekutuan untuk merapatkan jurang antara wilayah seperti mana yang digariskan pada Tonggak III Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesebelas. Negeri Kelantan diletakkan sebagai salah sebuah negeri yang diberi keutamaan dalam pengagihan peruntukan pembangunan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 14 MAC 2019

SOALAN : 61

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi isu dadah yang semakin serius di Sibu. Berikan statistik terkini tentang jumlah penagih dadah di Sibu mengikut tahun 2015-2019, dan jumlah pengedar dadah yang berjaya didakwa di mahkamah mengikut tahun 2015-2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat Sibu dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri amat memandang serius gejala penyalahgunaan dadah dan telah melaksanakan pelbagai langkah pencegahan, pemulihan serta meningkatkan usaha penguatkuasaan untuk membanteras dadah.

Bagi menangani masalah pengedaran dan penyeludupan dadah terutamanya di Sibu, tindakan penguatkuasaan yang berterusan telah dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia melalui strategi-strategi seperti berikut:

- i. Mempertingkatkan tangkapan ke atas individu yang terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah melalui penguatkuasaan undang-undang sedia ada di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952;

- ii. Mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ke atas pengedar dadah atau individu yang terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah;
- iii. Memperkasakan operasi-operasi terhadap sarang penagih di bawah Op Sarang bagi membendung aktiviti penagihan dan peyalahgunaan dadah; dan
- iv. Menjalinkan kerjasama dengan agensi Kerajaan dan swasta dalam pengkongsian maklumat serta operasi bersama.

Selain itu, aktiviti pendidikan pencegahan dan pemulihan dadah dilaksanakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) terhadap penagih dadah. AADK menjalankan program *outreach* secara berterusan bagi menggalakkan penagih dadah mendapatkan perkhidmatan rawatan dan pemulihan yang bersesuaian.

Program pencegahan dan pemulihan dijalankan melalui program *Community Empowerment*. Program ini berasaskan komuniti yang menggerakkan masyarakat setempat serta NGO dalam menangani permasalahan penagihan dadah menerusi peranan yang perlu dimainkan oleh masyarakat seperti berikut:

- i. Penerimaan, iaitu masyarakat bersedia menerima penagih dadah yang sedang menjalani kepulihan (*recovering addicts*);
- ii. Membantu dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada *recovering addicts*;
- iii. Sokongan sosial sama ada daripada keluarga, pemimpin komuniti dan masyarakat umum terhadap *recovering addicts*; dan
- iv. Menerima secara berterusan terhadap perjalanan kepulihan (*recovery journey*) *recovering addicts* supaya mereka tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor pengulangan penyalahgunaan dadah (*relapse*).

Di Bahagian Sibu, program-program pencegahan dan penguatkuasaan diberi tumpuan di pelbagai kawasan pedalaman seperti Song, Kapit, Selangau, Kampung Penasu Bruit, Bawang Assan, SK Nanga Machan Kanowit, SMK SEDAYA Kanowit, Kampung Muhibah Kanowit, SK Pelagus Kapit, Sungai Tuah Kanowit, Sungai Paloh Selangau, Sebintek Selangau, Sungai Sengan Sibu, SMK Selirik Kapit dan SK Nanga Ngungun Kanowit.

Jumlah penagih dadah yang dikesan di Sibu adalah seramai 22 orang pada tahun 2015 dan menurun ke 9 orang pada tahun 2016 serta 7 orang pada tahun 2017. Jumlah ini meningkat semula ke 23 orang pada tahun 2018.

Jumlah pengedar dadah di Sibu yang berjaya didakwa di mahkamah di bawah seksyen 39A(1), 39A(2) dan 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dari tahun 2015 sehingga tahun 2019 adalah seramai 112 orang, iaitu 23 orang pada tahun 2015, 24 orang pada tahun 2016, 40 orang pada tahun 2017 dan 24 orang pada tahun 2018.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU
KAWAN]**

TARIKH : 14 MAC 2019

SOALAN : 62

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah KPI dalam memproses dan menyelesaikan semua kes-kes tertunggak permohonan kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang lahir di Malaysia, permohonan MyKad merah bagi pasangan warga asing, warga emas dan kes-kes lain yang telah berdekad menunggu untuk sijil kewarganegaraan walaupun ada yang memenuhi semua syarat yang ditetapkan oleh KDN sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sedang melaksanakan tindakan segera terhadap semua permohonan kewarganegaraan secara berperingkat dan selaras dengan peruntukan perundangan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Setiap permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Kementerian akan diproses dengan teliti dalam memastikan setiap permohonan berkenaan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, tempoh bagi mendapatkan keputusan sesuatu permohonan kewarganegaraan adalah berbeza-beza berdasarkan kes dan tiada tempoh tertentu yang ditetapkan.

Penentuan taraf kewarganegaraan adalah berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa individu sewaktu kelahiran berlaku. Bagi kanak-kanak bertaraf bukan warganegara, ibu bapa atau penjaga yang sah boleh mengemukakan permohonan untuk kanak-kanak itu memperoleh kewarganegaraan Malaysia melalui pendaftaran, jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan perundangan yang berkaitan dengan pendaftaran perkahwinan, pendaftaran kelahiran, pengangkatan yang sah serta lain-lain perundangan berkuatkuasa.

Selain daripada itu, pertimbangan permohonan kewarganegaraan adalah berdasarkan kepada prosedur operasi standard (SOP) yang telah mengambil kira aspek kemanusiaan serta diperincikan daripada peruntukan Perlembagaan Persekutuan seperti mana berikut:-

1. Memenuhi tempoh kemastautinan yang dikira daripada pegangan kad pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR);
2. Mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang diukur melalui tiga (3) komponen Ujian Pengetahuan Bahasa Melayu (UPBM) iaitu lisan, membaca dan menulis. Dalam hal ini, pemohon berumur 60 tahun dan ke atas diberikan kelonggaran seperti berikut:-

- (i) Dikecualikan daripada menjalani Komponen Membaca dan Menulis; dan
 - (ii) Pertimbangan bagi pemohon yang mendapat gred terendah dalam UPBM.
3. Berkelakuan baik yang dinilai melalui Tapisan Keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM). Dalam hal ini, pemohon berumur 60 tahun dan ke atas yang gagal Tapisan Keselamatan masih dipertimbangkan untuk diaugerahkan kewarganegaraan sekiranya kesalahan dilakukan lebih 20 tahun yang lalu dan bukan dalam kategori jenayah berat, jenayah professional atau jenayah terancang.

Bagi isu berkaitan permohonan kad pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) kepada pasangan warga asing, pemohon adalah dinasihatkan untuk merujuk kepada Jabatan Imigresen Malaysia bagi mendapatkan maklumat berhubung permohonan Permit Masuk. Sekiranya pemohon berjaya memperoleh Permit Masuk, pemohon boleh membuat permohonan mendapatkan MyPR di JPN sebelum layak mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan sebagaimana ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK]

TARIKH : 14 MAC 2019

SOALAN : 63

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengenal pasti kelemahan dalam proses pembaikpulihan kenderaan rasmi PDRM yang menyebabkan kelewatan perlaksanaan pembaikan kerana kerenah birokrasi dalam pentadbiran.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dakwaan yang menyatakan bahawa terdapat kerenah birokrasi dalam pentadbiran yang berlaku semasa melaksanakan proses penyelenggaraan atau pembaikan sesebuah kenderaan adalah tidak begitu tepat memandangkan setiap proses berkenaan perlu mematuhi Prosedur Perolehan sepertimana yang ditetapkan dalam Perkeliling Perbendaharaan dan Prosedur Dalaman PDRM.

Terdapat pelbagai faktor yang boleh menyumbang berlakunya kelewatan kepada proses pembaikan kenderaan seperti berikut:-

- i) Kesukaran untuk mendapatkan alat ganti tulen dipasaran terutama bagi kenderaan yang berusia 20 tahun ke atas. Terdapat juga kes alat ganti kenderaan tersebut terpaksa diimport dari luar negara dan memerlukan masa yang lama menunggu alat ganti berkenaan;

- ii) Kenderaan yang digunakan dikhususkan kepada pasukan keselamatan sahaja. Jika kenderaan seumpama ini mengalami kerosakan, alat gantinya terpaksa diperolehi dari pembuat atau pembekal berkenaan sahaja, sudah semestinya akan berlaku kelewatan proses mendapatkan alatganti terutama kenderaan yang terhad pengeluarannya; dan
- iii) Kenderaan tersebut mengalami kerosakan yang berulang dan memerlukan pemeriksaan yang lebih teliti, keadaan ini menyebabkan kenderaan tersebut terpaksa melalui proses pembaikan yang agak lama demi menjamin keselamatan pengguna.

Bagi mempercepatkan proses pembaikan dan penyelenggaraan, PDRM telah melaksanakan pembaikan secara dalaman dan juga secara luaran (*outsource*). Pembaikan dalaman dilaksanakan dalam bengkel PDRM yang mana perolehan alat ganti dibuat melalui kaedah perolehan melalui kontrak yang ditetapkan oleh Perkeliling Perbendaharaan. Bagi pembaikan secara luaran adalah dibuat oleh syarikat yang berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan melalui kaedah perolehan secara Belian Terus dan Sebutharga. Pemilihan kaedah pembaikan ini adalah melalui sistem e-Perolehan mengikut Pekeliling Perbendaharaan.

Namun demikian, tidak dinafikan masih terdapat kelewatan dalam urusan pembaikan memandangkan jumlah aset yang dimiliki oleh PDRM adalah terlalu besar, pembaikan terpaksa dilaksanakan mengikut keutamaan penugasan. Di samping akan berlaku kelewatan atas masalah kekangan kewangan apabila pembaikan tersebut menelan perbelanjaan yang besar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Sabri bin Azit [Jerai]

TARIKH : 14 Mac 2019 (Khamis)

SOALAN NO. 64

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilakah kerja-kerja untuk parit pengairan ke sawah akan bermula sedangkan sistem pengairan di sepanjang jalan persekutuan dari Ulu Sedaka tanahnya diambil dan empat musim padi telah dituai serta parit sementara tersumbat yang menyebabkan ribuan relung padi terjejas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejadian parit sementara yang tersumbat adalah dipercayai berpunca daripada kerja-kerja pembinaan jalan di Pulau Bunting, Yan.

Pembinaan jalan tersebut yang bermula dari Pekan Gurun sehingga ke Pulau Bunting melibatkan blok pengairan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) iaitu Blok SCRBD 6, SCRBD 7b yang berada di dalam Lokaliti F-IV Sungai Limau dan SCLBD 3 serta SCD 1 yang berada di dalam Lokaliti G-IV Guar Chempedak.

Pihak MADA telah mengambil inisiatif menjalankan kerja-kerja mencuci dan membersihkan parit bagi kawasan terlibat di Lokaliti F-IV dan G-IV bagi memastikan saliran air tidak tersekat dan terjejas, walaupun punca parit tersebut tersumbat sebenarnya adalah disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan yang dijalankan oleh pihak luar yang tidak mempunyai kaitan dengan MADA.

Sistem pengairan *tersier* di bawah Projek Pemacu Pertanian (PPP) di Ulu Sedaka, Yan (blok pengairan SCRBD7b (Fasa III)) akan dimulakan setelah kemajuan proses pengambilan tanah (termasuk pembayaran pampasan) mencapai sekurang-kurang 80 peratus (dijangka menjelang pertengahan tahun 2020) tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Kementerian Kewangan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]

TARIKH : 14 MAC 2019

SOALAN : NO. 66

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan perancangan pembangunan secara menyeluruh bagi masyarakat Orang Asli dalam usaha memajukan masyarakat berkenaan khususnya terhadap aspek ekonomi dan pendidikan agar seiring dengan kaum lain di Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Strategi untuk memajukan masyarakat Orang Asli telah digariskan ke dalam Pelan Strategik JAKOA (2016 – 2020) yang memberi fokus kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Ianya merupakan satu pelan yang telah dirangka dalam usaha **meningkatkan kualiti hidup** melalui penyediaan infrastruktur yang lengkap di perkampungan Orang Asli. Dalam masa yang sama, usaha juga turut dilaksanakan bagi **meningkatkan pendapatan** masyarakat Orang Asli melalui Program Pembangunan Ekonomi Orang Asli serta Program Pembangunan Usahawan Orang Asli di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11).

Antara program dan aktiviti yang dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan melalui kegiatan ekonomi adalah pembangunan ladang sawit dan getah bersama agensi pembangunan tanah seperti RISDA dan FELCRA. Sehingga kini, RISDA telah membangunkan dan menguruskan

tanaman getah dan sawit seluas 21,193.32 hektar melibatkan 9,010 peserta. Manakala FELCRA juga telah membangunkan dan menguruskan tanaman getah dan sawit seluas 9,352.08 hektar melibatkan 4,011 peserta. Maklumat tambahan seperti **Jadual 1** dan **Jadual 2**.

Manakala di bawah Program Pembangunan Usahawan, sehingga November 2018 seramai 756 orang usahawan Orang Asli telah menerima bantuan melalui Program Geran Bimbingan Usahawan JAKOA. Bantuan yang disalurkan adalah seperti bantuan premis perniagaan dan bantuan alatan perniagaan.

Di samping itu juga, pihak JAKOA juga sentiasa melaksanakan program seperti seminar dan kursus kepada usahawan Orang Asli untuk menghasilkan produk yang berkualiti dan boleh dipasarkan. Antara bidang perniagaan yang diceburi oleh usahawan Orang Asli adalah seperti bidang pembuatan (kraftangan), pertanian (penternakan & asas tani), perniagaan kecil-kecilan (kedai runcit & kedai makan), dan perkhidmatan (kedai jahit, bengkel kereta & bengkel motosikal).

Pendidikan

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa komited bagi meningkatkan masyarakat Orang Asli dalam usaha memajukan masyarakat berkenaan khususnya terhadap aspek ekonomi dan pendidikan agar seiring dengan kaum lain di Malaysia melalui pelan perancangan pembangunan secara menyeluruh iaitu Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli Tahun 2016 – 2020 di dalam Fokus 3 Teras Strategik : Modal Insan dan Kemahiran Belia, antaranya :

- (a) Program Pendidikan Awal Kanak-Kanak
- (b) Program Kecemerlangan Pendidikan
- (c) Program Jejak Siswa
- (d) Program Pembangunan Minda Insan
- (e) Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya
- (f) Program Memperkasakan Institusi Sosial

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA [SEGAMAT]

TARIKH : 14 MAC 2019

SOALAN : 66

Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah strategi dan langkah-langkah oleh Kementerian untuk menangani gangsterisme di Malaysia. Berikan statistik kes-kes jenayah mengikut negeri, daerah, kaum serta perincian jenayah sebelum dan selepas Pakatan Harapan menjadi Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) memandang serius dan sentiasa komited dalam usaha untuk membentaras aktiviti jenayah dalam negara khusus nya kes-kes yang melibatkan jenayah berat yang dilakukan oleh kumpulan Kongsi gelap dan kumpulan gangster. Menyedari tentang ancaman daripada kumpulan gangsterism ini, Kementerian telahewartakan sebanyak 72 pertubuhan yang berdaftar atau tidak berdaftar sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang kerana dikenalpasti mempunyai elemen-elemen kongsi gelap. Tindakan terhadap mana-mana ahli yang menganggotai kumpulan tersebut boleh diambil di bawah seksyen 43 dan 52 (3) Akta Pertubuhan 1966.

Perbandingan statistik kes jenayah indeks yang berlaku dalam tempoh 10 bulan sebelum pilihanraya umum dan selepas pilihanraya umum ke 14 adalah 76,695 sebelum pilihanraya umum, manakala 70,359 dalam tempoh 10 bulan selepas pilihanraya umum. Daripada kedua-dua angka ini, berlaku penurunan sebanyak 6,336 kes.

Perbandingan statistik tangkapan dalam kes jenayah indeks yang berlaku dalam tempoh 10 bulan sebelum pilihanraya umum dan selepas pilihanraya umum ke 14 adalah 72,205 tangkapan sebelum pilihanraya umum, manakala 63,845 tangkapan dalam tempoh 10 bulan selepas pilihanraya umum. Daripada kedua-dua angka ini, berlaku penurunan sebanyak 8,360 tangkapan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
[LEMBAH PANTAI]
TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 67

Y.B. TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan cabaran yang dihadapi pengusaha e-Wallet dan strategi Kerajaan untuk meningkatkan penggunaan e-Wallet di kalangan rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun penggunaan pembayaran mudah alih hanya berada pada peringkat awal, landskap pembayaran mudah alih sedang berkembang di Malaysia. Perkembangan tersebut didorong terutamanya oleh pengeluaran wang elektronik bukan bank melalui perkhidmatan *e-wallet* (pengusaha *e-wallet*). Perkhidmatan pembayaran mudah alih melengkapi kaedah pembayaran elektronik sedia ada seperti kad debit dan pindahan dana elektronik yang boleh mempercepat perpindahan kepada e-pembayaran di Malaysia. Pada tahun 2018, urus niaga pembelian menerusi saluran pembayaran mudah alih meningkat sebanyak 20 kali ganda kepada 23.7 juta urus niaga bernilai RM563.8 juta (2017: 1.2 juta urus niaga bernilai RM50.3 juta). Pada masa yang sama, bilangan pengusaha *e-wallet* yang menawarkan perkhidmatan pembayaran mudah alih telah meningkat kepada 35 pengusaha pada tahun 2018 (2017: 20 pengusaha).
2. Untuk menggalakkan penggunaan pembayaran mudah alih di Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengeluarkan Rangka Kerja Pemindahan Kredit Saling Boleh Kendali (*Interoperable Credit Transfer Framework, ICTF*) pada tahun 2018. Ia membolehkan pembayaran dilaksanakan melalui satu rangkaian bagi bank dan pengeluaran wang elektronik bukan bank yang layak. Ini bagi mewujudkan satu rangkaian yang saling boleh kendali antara peserta iaitu penyedia servis pembayaran bank dan bukan bank dan untuk memupuk persaingan antara peserta bagi menggalakkan inovasi dan keberkesanan kos yang lebih tinggi. Dalam hal ini, *Payment Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet)*, anak syarikat yang dimiliki bersama oleh BNM dan 11 institusi perbankan tempatan telah melancarkan perkhidmatan *DuitNow* baru-baru ini. Melalui *DuitNow*, pengguna dan peniaga boleh membuat bayaran dalam masa nyata kepada mana-mana akaun bank atau akaun *e-wallet* yang dikeluarkan oleh pengusaha *e-wallet* yang berkeelayakan dengan hanya menggunakan nombor telefon, nombor kad pengenalan atau nombor pendaftaran perniagaan penerima.

Yang di-Pertua,

1. Pada separuh kedua tahun 2019, *PayNet* juga akan melancarkan perkhidmatan pembayaran kod QR (*Quick Response Code*) bersepadu di mana peniaga mempunyai pilihan untuk sama ada mempamerkan satu kod QR bersepadu, QR milikan tunggal (*proprietary QR*) atau kedua-duanya di premis perniagaan untuk menerima bayaran daripada pelanggan bank dan *e-wallet* tanpa memerlukan terminal bayaran elektronik. Selain meningkatkan kemudahan (*convenience*) dan mengurangkan kos yang ditanggung oleh orang ramai, usaha berterusan juga diambil oleh pihak BNM, industri perbankan dan pengusaha *e-wallet* untuk memupuk kesedaran dan keyakinan awam terhadap kaedah e-pembayaran. Ini termasuk menjalankan program kesedaran pada peringkat kebangsaan bagi mendidik golongan pengguna dan peniaga berkenaan ciri-ciri dan langkah-langkah keselamatan berhubung dengan kaedah e-pembayaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN / BERTULIS**
DARIPADA : **DATUK SERI PANGLIMA MADIUS**
TARIKH : **14 MAC 2019 (KHAMIS)**
TANGAU [TUARAN]

SOALAN NO. 68

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- (a) perancangan Kementerian untuk membolehkan Sabah mempunyai bekalan tenaga (elektrik) yang hijau, mencukupi dan berdaya saing; dan
- (b) apakah pula perancangan Kerajaan untuk menangani kumbahan air yang kini terbiar selepas lombong tembaga Mamut, Ranau di tutup.

JAWAPAN (a)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Perancangan pembekalan elektrik negeri Sabah telah dilaksanakan melalui Pelan Pembangunan Penjanaan Elektrik Sabah yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.
2. Mulai tahun 2019, Kerajaan akan mewujudkan Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) khas untuk negeri Sabah yang akan dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan Ketua Menteri Sabah supaya Kerajaan Negeri Sabah dapat dilibatkan sepenuhnya dalam perancangan pembekalan elektrik dan penetapan kadar tarif di negeri Sabah.
3. Perancangan tersebut ditetapkan dengan mengambil kira keseimbangan *trilema* tenaga atau dengan izin *security, affordability* dan *sustainability of energy*. Kerajaan Persekutuan akan sentiasa memastikan supaya rakyat Sabah menikmati bekalan elektrik yang mencukupi, mapan dan berdaya saing.
4. Berdasarkan perancangan yang telah dibuat, kapasiti penjanaan bagi negeri Sabah adalah terdiri daripada:
 - (i) gas sebanyak 77% ;
 - (ii) diesel sebanyak 14% ;
 - (iii) hidro sebanyak 6% ;
 - (iv) biomass/biogas sebanyak 2 % ; dan
 - (v) solar sebanyak 1%.

JAWAPAN (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

5. Status tanah bekas Lombong Tembaga Mamut telah dikembalikan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN).
6. Bagi menangani masalah kumbahan air yang terbiar di bekas Lombong Tembaga Mamut, Kerajaan Negeri Sabah melalui Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar dan agensi bertanggungjawab iaitu Jabatan Perlindungan Alam Sekitar, Sabah dengan kerjasama beberapa agensi lain termasuk Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Sabah telah menubuhkan jawatan kuasa teknikal dan melantik pakar daripada luar negara dan tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 14.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 69

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang bakal diambil oleh pihak Kementerian bagi membendung pusat-pusat pengajian tinggi mengeluarkan kelulusan ijazah palsu seperti berlaku sekarang dan berapa ramaikah mereka yang telah menerima kelulusan ijazah palsu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan termasuk tindakan bersifat punitif sekiranya mempunyai keterlibatan di peringkat pendidikan tinggi. Pemantauan ini dilakukan antaranya dengan bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Kementerian Luar Negeri.

Selain itu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia mencipta sejarah sebagai institusi pendidikan tinggi (IPT) pertama di negara ini yang menggunakan Sistem Pengeluaran dan Pengesahan Universiti (e-Scroll) yang menggunakan teknologi *Blockchain*. Melalui sistem ini, pengesahan dapat dibuat di seluruh dunia dengan pantas dengan mengimbas kod respon pantas atau kod QR yang dicetak pada ijazah berkenaan. Sistem 'e-Scroll' ini turut diguna pakai di Universiti Malaya dan Universiti Teknologi Malaysia. Dengan menggunakan sistem ini, pihak-pihak berkepentingan boleh membuat semakan bagi menentukan kesahihan dan ketulenan sijil tersebut.

Sistem pangkalan data bagi penerima Ijazah Kehormat dan Doktor Falsafah (Ph.D) di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang bergraduasi di dalam negara telah dibangunkan dan boleh diakses di pautan: <https://dohe.moe.gov.my/award/>.

Bagi fasa seterusnya, KPM akan memperluaskan penggunaannya meliputi pemegang kelayakan akademik peringkat sijil, ijazah sarjana muda dan sarjana di IPTA dan IPTS dalam negara dan warganegara Malaysia yang mendapat Ph.D dari institusi di luar negara.

Semua pihak juga boleh merujuk Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR) bagi mendapatkan maklumat tepat mengenai kelayakan akademik daripada program-program pengajian yang telah dinilai dan diberi akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

SOALAN NO : 69

Sebarang laporan berhubung perkara ini perlu dibuat kepada pihak PDRM untuk siasatan lanjut menerusi Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574) atau Akta Akuan Berkanun 1960 atau Peraturan 4(2)(f) dan (g) di bawah Kementerian Dalam Negeri, Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) bagi yang melibatkan penjawat awam atau mana-mana peruntukan perundangan yang berkuat kuasa.

Berhubung dengan sijil, diploma, ijazah atau kelulusan akademik yang palsu, tindakan undang-undang boleh diambil melalui peruntukan undang-undang sedia ada, yang antara lainnya adalah seperti yang berikut:

- i. di bawah seksyen 77 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555];
- ii. di bawah seksyen 465 dan seksyen 471 Kanun Keseksaan [Akta 574]; dan
- iii. dalam Perlembagaan Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] di bawah seksyen 53 Jadual Pertama Akta 30.

Sehubungan dengan itu, peruntukan undang-undang sedia ada adalah mencukupi untuk menangani isu penggunaan sijil, diploma, ijazah atau kelulusan akademik yang palsu di negara ini.

Sekian, terima kasih

RJM 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI
[KAPIT]**

TARIKH : 14.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 70

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci apa dasar baharu Kementerian ini yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan sejak Menteri mengambil alih tanggungjawab menerajui Kementerian Pendidikan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) meneruskan dasar-dasar sedia ada dengan memperkenalkan beberapa penambahbaikan. Antara penambahbaikan sistem pendidikan yang diambil oleh KPM bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:

1. **Pemansuhan Peperiksaan Bagi Murid Tahap 1:** Pemansuhan amalan peperiksaan pertengahan dan akhir tahun bagi murid Tahap I (Tahun 1, 2 dan 3) di sekolah rendah termasuk Murid Berkeperluan Khas (MBK).
2. **Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) :** Pentaksiran bagi murid Tahap I akan melihat perkembangan murid secara menyeluruh, termasuk penerapan nilai-nilai murni khususnya yang berbentuk rutin harian.

3. **Sifar Penolakan Kemasukan ke Sekolah (*Zero Reject Policy*) :**
Dasar penempatan persekolahan murid berkeperluan khas (MBK) di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan tanpa menafikan hak MBK untuk menerima pendidikan. Dasar sedia ada ini dimantapkan dari segi pelaksanaannya bagi memastikan murid berkeperluan khas (MBK) menerima pendidikan yang relevan dengan keupayaan mereka selaras dengan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Wajib) 2002.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecemerlangan sistem pendidikan negara seiring dengan perkembangan dunia hari ini. Kementerian percaya bahawa sebarang perubahan dan penambahbaikan melibatkan dasar pendidikan perlu diteliti secara terperinci dan tidak dilakukan secara tergesa-gesa bagi memastikan hasrat dan objektif utama dasar tersebut terlaksana dan bermanfaat untuk semua.

Oleh itu, antara usaha yang telah dilaksanakan oleh KPM ialah menubuhkan Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKDPN) yang dianggotai oleh pakar daripada kalangan ahli pendidik, badan bukan kerajaan dan pakar agama bagi meneliti dasar pendidikan negara secara holistik dan komprehensif. Jawatankuasa ini bertujuan untuk mengkaji semula dan mengemukakan laporan perakuan dasar untuk menambahbaik sistem pendidikan negara di peringkat prasekolah hingga ke peringkat universiti. Laporan akhir JKDPN akan diserahkan kepada KPM pada akhir bulan April 2019.

Sekian, terima kasih.

RJM 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
[REMBAU]
TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 71

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi mitos terapi dan rawatan alternatif penyakit kanser yang tidak terbukti berkesan serta adakah pihak Kementerian akan memperluas perkhidmatan saringan kanser yang ketika ini hanya terhad kepada empat jenis kanser sahaja iaitu payudara, serviks, kolorektal dan oral.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Bagi mengatasi mitos berkaitan terapi dan rawatan alternatif penyakit kanser yang tidak terbukti berkesan, Kementerian menjalankan kolaborasi dengan agensi kerajaan yang lain serta pihak swasta dalam mengadakan aktiviti promosi dan pendidikan, yang bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran orang ramai agar lebih berhati-hati dan tidak mudah terpedaya dengan penipuan yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Pengguna diberi kesedaran berkenaan hak-hak mereka sebagai seorang pelanggan dalam mendapatkan perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari yang selamat dan berkualiti.

Program dan aktiviti promosi serta pendidikan kanser dilaksanakan di peringkat kebangsaan, Negeri dan Daerah kepada pelbagai kumpulan sasaran yang meliputi murid sekolah, wanita hamil, warga emas, perokok dan golongan pekerja. Secara umumnya aktiviti promosi dan

pendidikan dijalankan mengikut setting seperti tempat kerja, institusi pendidikan dan institusi kesihatan. Antara program dan aktiviti yang dijalankan termasuklah:

- i. Kempen Pencegahan Amalan merokok kepada bukan perokok;
- ii. Program IMFree kepada murid sekolah;
- iii. Pameran kesihatan berkaitan kanser yang menyediakan bahan maklumat melalui infografik berkaitan kanser;
- iv. Mengadakan Sambutan Hari Tanpa Tembakau dan Sambutan Hari Kanser Sedunia;
- v. Sesi khidmat nasihat kepada pelanggan di klinik kesihatan & hospital serta sesi khidmat nasihat khusus kepada ibu hamil;
- vi. Perkhidmatan berhenti merokok di klinik kesihatan, hospital dan pusat promosi kesihatan komuniti;
- vii. Mempromosi dan meningkatkan literasi kesihatan masyarakat mengenai penyakit kanser melalui sesi bual bicara di radio, tv mahupun penerbitan artikel di dalam majalah. Sebagai contoh, pelaksanaan Kempen Media Anti Merokok khusus berkaitan kanser dan Kempen Pencegahan Kanser seperti HPV untuk murid sekolah menengah; dan
- viii. Mewujudkan portal MyHealth bagi memberi capaian kepada maklumat berkaitan kanser.

Yang di-Pertua,

Berkenaan perkhidmatan saringan kanser oleh pihak KKM, Kementerian ini telah menyediakan perkhidmatan saringan kanser payu dara, kanser serviks, kanser kolorektal dan kanser oral di fasiliti-fasiliti kesihatan KKM di seluruh negara. Tujuan program saringan ini adalah untuk mengesan kehadiran kanser atau lesi pra-kanser dalam kalangan mereka yang berisiko sederhana, kelihatan sihat dan tidak mempunyai gejala. Saringan-saringan ini dijalankan mengikut kumpulan sasaran yang telah ditetapkan dan mempunyai kriteria-kriteria tertentu.

Dalam menjalankan program saringan kanser, KKM sentiasa merujuk kepada saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta melakukan analisa situasi tempatan dan analisa keberkesanan kos. Pada masa ini, WHO hanya menyarankan empat saringan kanser iaitu saringan kanser payu dara, kanser serviks, kanser kolorektal dan kanser oral. Justeru itu, pada masa ini, KKM tidak bercadang untuk meluaskan saringan kanser kepada jenis-jenis kanser yang lain. Walaubagaimanapun, perkhidmatan saringan kanser-kanser lain seperti kanser hati dan nasofarink bagi mereka yang berisiko tinggi (contoh, mempunyai keluarga terdekat mengidap kanser berkenaan) boleh diperolehi di hospital-hospital KKM.

KKM sentiasa bekerjasama rapat dengan anggota-anggota kesihatan yang berkaitan untuk menawarkan rawatan terbaik kepada pesakit. KKM akan meneruskan usaha untuk memberi penekanan kepada orang ramai untuk meningkatkan pengetahuan bagi mengenali tanda dan gejala awal kanser serta segera mendapatkan pemeriksaan lanjut agar kanser tidak lewat dikesan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGKAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
(SERIAN)

TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 76

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status terkini Projek Pembinaan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Serian.

PN-1412- L04304

SOALAN NO: 72

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek penubuhan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Serian, Sarawak telah bermula pada April 2018 dan kini sedang dalam tempoh pembinaan.